

Perjanjian Lama

Panduan Pembelajaran Pelajar



Pendahuluan

Kursus ini berfokus terutamanya pada ajaran-ajaran dalam Perjanjian Lama. Kursus ini juga merangkumi kitab Musa dan Abraham, yang merupakan sebahagian dari Mutiara yang Sangat Berharga. Bersama, kitab-kitab ini memberi kita sebuah laporan mengenai urusan-urusan Tuhan dengan para umatNya dari saat Persidangan di dalam Syurga sehingga beberapa ratus tahun sebelum kelahiran Juruselamat. Kitab-kitab tersebut menyediakan banyak contoh iman dan kepatuhan yang kuat. Mereka juga memperlihatkan akibat-akibat melupakan, tidak mematuhi, atau menentang Tuhan. Ramalan-ramalan di dalam kitab-kitab ini memberikan kesaksian terhadap kelahiran, penebusan, kedatangan kedua, serta pemerintahan seribu tahun.

Panduan pembelajaran ini menggariskan tugas bacaan setiap minggu, yang menyediakan soalan-soalan aplikasi yang berpengertian dalaman, dan mencadangkan rujukan tulisan suci tambahan untuk memberi kejelasan dan keluasan terhadap pembelajaran anda. (Kamus Alkitab, Rujukan Topik, dan Nota Kaki dalam Alkitab Raja Yakobus edisi LDS juga memberi banyak pemahaman dalaman yang

berguna.) Panduan pembelajaran ini direka bentuk untuk penggunaan-penggunaan berikut:

- a. *Pembelajaran tulisan suci peribadi.* Soalan-soalan aplikasi yang merangkumi setiap tugas bacaan akan membantu anda mengetahui bagaimana ajaran-ajaran para nabi Perjanjian Lama dapat menolong anda datang lebih dekat kepada Kristus.
- b. *Pembelajaran tulisan suci keluarga.* Panduan pembelajaran ini akan menjadi suatu alat berharga untuk pengajaran-pengajaran dalam malam keluarga dan untuk perbincangan keluarga yang lain.
- c. *Persiapan untuk perbincangan dalam kelas.* Sewaktu anda mengkaji tugas-tugas bacaan dan merenungkan soalan-soalan aplikasi, anda akan bersedia dengan lebih baik untuk membuat sumbangan penting di dalam kelas Ajaran Injil anda.

Dengan bimbingan roh kudus dalam pembelajaran anda, Anda akan dapat bersaksi bersama Ayub, “Aku tahu: Penebusku hidup, dan akhirnya Dia akan bangkit di atas debu” (Ayub 19:25).

“Inilah Pekerjaan-Ku Serta Kemuliaan-Ku”

Musa 1

Pelajarilah tulisan suci berikut:

a. Musa 1:1–11. Musa melihat Tuhan dan berbicara dengan Dia secara bersemuka. Musa mempelajari bahawa dirinya adalah seorang anak Tuhan yang menyempai Putera Tunggal Bapa.

b. Musa 1:12–23. Syaitan menghadapi Musa; Musa mengusirnya.

c. Musa 1:24–39. Tuhan memperlihatkan diri lagi dan mengajarkan tentang pekerjaan dan kemuliaan-Nya.

- Apakah yang Musa pelajari mengenai Tuhan daripada pengalaman-

pengalaman yang dinyatakan dalam Musa 1:1–7? Apakah yang Musa pelajari mengenai dirinya sendiri? Apakah perbezaan yang boleh berlaku dalam kehidupan kita apabila mengetahui bahawa kita adalah anak-anak Tuhan, yang diciptakan menurut rupa Putera-Nya?

- Bagaimanakah Musa menerima kekuatan untuk menolak godaan-godaan Syaitan? (Lihat Musa 1:18, 20–21.) Bagaimanakah Musa menyuruh Syaitan untuk pergi? Bagaimanakah doa dapat menguatkan kita untuk menolak godaan? Apa lagi yang dapat kita lakukan untuk memperoleh kekuatan ini?

- Meskipun Tuhan telah menciptakan banyak dunia dan manusia yang tak terhitung oleh kita, Dia meyakinkan Musa bahawa Dia mengenali mereka semua (Musa 1:35). Bagaimanakah anda dapat merasakan bahawa Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus mengenali anda secara peribadi dan mengasih-hi anda?
- Mengapakah penting bagi kita untuk mengetahui apakah pekerjaan dan kemuliaan Tuhan itu? Apakah beberapa cara tertentu kita dapat membantu Dia dalam pekerjaan besar ini?

“Engkau Telah Dipilih Sebelum Engkau Dilahirkan” 2

Abraham 3; Musa 4:1–4

Pelajarilah tulisan suci berikut:

a. Abraham 3:11–12, 22–23; Ajaran dan Perjanjian 138:53–57. Abraham berbicara dengan Tuhan secara bersemuka dan mengetahui bahawa dalam kehidupan pra-dunia banyak roh “agung dan mulia” ditahbiskan sebelumnya untuk misi mereka di dalam dunia ini (Abraham 3:11–12, 22–23). Presiden Joseph F. Smith telah mempelajari lebih banyak mengenai “orang-orang yang agung dan mulia” dalam sebuah penglihatan mengenai kunjungan Juruselamat ke dunia roh sebelum Kebangkitan-Nya (A&P 138:53–57).

b. Abraham 3:24–28; Musa 4:1–4. Abraham dan Musa diperlihatkan sebuah penglihatan bahawa Yesus Kristus dipilih dalam Persidangan di dalam Syurga untuk menjadi Juruselamat kita dan kita telah memilih untuk mengikuti Dia. Mereka juga diperlihatkan bahawa Lusifer (Syaitan) dan roh-roh yang mengikutinya diusir keluar dari syurga.

- Siapakah yang dilihat oleh Presiden Joseph F. Smith dalam penglihatannya mengenai dunia roh? (Lihat A&P 138:53.) Orang-orang ini yang ditahbiskan sebelumnya adalah untuk melakukan apa? (Lihat A&P 138:55–56.)
- Selain mentahbiskan sebelumnya para nabi untuk pemanggilan mereka, Tuhan menetapkan banyak “roh terpilih lainnya” untuk menolong membangunkan kerajaanNya dalam pelbagai cara. Apakah yang mungkin anda ditahbiskan sebelumnya untuk anda lakukan? (Lihat A&P 138:56.)
- Siapakah dua roh dalam Persidangan di dalam Syurga yang menawarkan diri untuk menjadi Juruselamat kita? (Lihat Abraham 3:27; Musa 4:1–2.) Bagaimanakah tawaran mereka itu berbeza? Mengapakah Bapa Syurgawi memilih Yesus Kristus untuk menjadi Penebus kita? (Lihat Musa 4:2–3.)

Bacaan tambahan: Yesaya 14:12–15; Wahyu 12:7–9; Alma 13:3–5; Ajaran dan Perjanjian 29:36–39; dan seluruh

Abraham 3 serta Ajaran dan Perjanjian 138.

Penciptaan

Musa 1:27–42; 2–3

3

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- Musa 1:27–42. Musa menerima sebuah penglihatan tentang ciptaan-ciptaan Tuhan dan diperintahkan untuk menulis sebuah catatan mengenai Penciptaan di bumi.
 - Musa 2:1–25; 3:1–14. Musa telah mempelajari bahawa Tuhan adalah Pencipta segala sesuatu.
 - Musa 2:26–31; 3:7, 15–25. Musa telah mempelajari bahawa lelaki dan wanita diciptakan menurut rupa Tuhan.
- Apakah yang telah diwahyukan Tuhan mengenai tujuan Penciptaan?

(Lihat Musa 1:39; Abraham 3:24–25; lihat juga 1 Nefi 17:36.)

- Yang manakah di antara ciptaan-ciptaan Tuhan yang paling indah bagi anda? Bagaimanakah kita akan dimanfaatkan dengan menyedari keindahan ciptaan-ciptaan tersebut dengan lebih cermat setiap hari?
- Bagaimanakah ciptaan-ciptaan itu “memberikan kesaksian” tentang Tuhan? (Lihat Musa 6:63; Alma 30:44.)

Bacaan tambahan: Abraham 4–5; Kejadian 1–2.

“Disebabkan Pelanggaranaku Mataku Telah Terbuka”

Musa 4; 5:1–15; 6:48–62

4

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- Musa 4; 5:10–11; 6:48–49, 55–56. Syaitan datang ke Taman Eden dan berusaha untuk memperdaya Hawa. Hawa dan Adam memakan buah dari pohon pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat (4:5–12). Setelah mengalami kejatuhan, Adam dan Hawa diusir dari taman tersebut (4:13–31). Adam dan Hawa kemudian bersukacita menikmati berkat-berkat dari Kejatuhan (5:10–11). Henokh mengajarkan tentang akibat-akibat dari Kejatuhan (6:48–49, 55–56).
- Musa 5:14–15; 6:50–54, 57–62. Oleh kerana Korban Tebusan Yesus Kristus,

manusia fana diselamatkan dari kematian jasmani melalui Kebangkitan dan dapat diselamatkan dari kematian rohani melalui iman, pertaubatan, pembaptisan, kurniaan Roh Kudus, dan kepatuhan terhadap perintah-perintah tuhan.

- Musa 5:1–9, 12. Adam dan Hawa memulakan kehidupan sebagai manusia fana. Mereka mengajarkan kepada anak-anak mereka kebenaran-kebenaran injil (5:1–4, 12). Adam mempersembahkan korban yang serupa dengan pengorbanan Putera Tunggal (5:5–9).

- Apakah akibat-akibat Kejatuhan kepada Adam dan Hawa—dan kepada kita? (Lihat Musa 4:22–29; 5:10–11; 6:48–49, 55–56; 2 Nefi 2:22–23; 9:6; Kejadian 3:16–23.)
- Ketika para nabi mengajarkan tentang Kejatuhan Adam dan Hawa, mereka juga sering kali mengajarkan tentang Korban Tebusan Yesus Kristus (Musa 5:10–15; 6:48–62; 2 Nefi 9:6–10). Mengapakah penting untuk mengajarkan Korban Tebusan bersama-sama dengan Kejatuhan?
- Apakah tujuan korban-korban yang dipersembahkan oleh Adam? (Lihat Musa 5:7–9.) Apakah peringatan yang serupa yang telah diberikan kepada kita?

Bacaan tambahan: Kejadian 2–3; 1 Korintus 15:20–22; 2 Nefi 2:5–30; 9:3–10; Helaman 14:15–18; Ajaran dan Perjanjian 19:15–19; 29:34–44; Pasal-pasal Kepercayaan 1:2; “Kejatuhan Adam,” Kamus Alkitab, muka surat 670.

“Jika Engkau Berbuat Benar Engkau Akan Diterima” **5**

Musa 5–7

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- Musa 5:16–41. Kain lebih mengasihi Syaitan daripada Tuhan dan mematuhi perintah Syaitan untuk membuat persembahan kepada Tuhan (5:16–19). Tuhan menolak persembahan Kain dan memerintahkan Kain untuk bertaubat (5:20–25). Kain membuat perjanjian dengan Syaitan dan membunuh Habil (5:26–33). Tuhan mengutuk Kain, dan Kain dicampak keluar daripada hadirat Tuhan (5:34–41).
- Musa 6:26–63. Henokh, cicit keempat Adam, dipanggil oleh Tuhan untuk mengkhotbahkan pertaubatan (6:26–36). Henokh mematuhi perintah Tuhan (6:37–63).
- Musa 7:13, 17–21, 23–47, 68–69. Iman Henokh begitu besar sehingga gunung-gunung dialihkan, sungai-sungai berubah alirannya, dan semua bangsa ketakutan (7:13, 17).

Tuhan dan Henokh menangi kejahatan para penduduk di bumi (7:23–47). Orang-orang di kota Henokh sehati dan sefikiran dengan Tuhan, dan seluruh kota diangkat ke syurga (7:18–21, 68–69).

- Bagaimanakah reaksi Kain ketika Tuhan bertanya di manakah Habil berada? (Lihat Musa 5:34.) Apakah artinya menjadi pelindung saudara kita? (Lihat 1 Yohanes 3:11, 17–18.)
- Mengapakah Tuhan memanggil Henokh dan umatnya Sion? (Lihat Musa 7:18.) Apakah artinya menjadi “sehati dan sefikiran”? Apakah yang dapat kita lakukan untuk menjadi sehati dan sefikiran dengan Tuhan? di dalam keluarga kita? di dalam Gereja?

Bacaan tambahan: Musa 5:42–55; 6:10–23; 7:14–16; 2 Nefi 2:25–27; Kejadian 4:1–16.

“Nuh ... Mempersiapkan Sebuah Bahtera untuk Menyelamatkan Keluarganya”

6

Musa 8:19–30; Kejadian 6–9; 11:1–9

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Musa 8:19–30; Kejadian 6:5–22; 7:1–10. Nuh mengkhotbahkan injil, tetapi tidak ada sesiapa pun yang mahu mendengarkannya (Musa 8:19–25). Oleh kerana kejahatan manusia, Tuhan menyatakan bahawa Dia akan memusnahkan semua manusia dari permukaan bumi (Musa 8:26–30; Kejadian 6:5–13). Tuhan memerintahkan Nuh untuk membina sebuah bahtera yang besar dan membawa keluarganya serta sepasang bagi setiap makhluk hidup ke dalam bahteranya (Kejadian 6:14–22; 7:1–10).
- b. Kejadian 7:11–24; 8; 9:8–17. Hujan turun selama 40 hari 40 malam (7:11–12). Semua orang dan makhluk yang berada di luar bahtera mati (7:13–24). Ketika air surut, Nuh, keluarganya, serta binatang-binatang keluar dari bahtera, dan Nuh mempersembahkan korban kepada Tuhan (8:1–22). Tuhan menetapkan pelangi sebagai sebuah tanda akan perjanjian-Nya dengan Nuh (9:8–17).
- c. Kejadian 11:1–9. Beberapa generasi selepas banjir melanda, manusia mulai berusaha untuk membina sebuah menara yang menuju ke syurga. Tuhan mengelirukan bahasa mereka

dan memisah-misahkan mereka di serata bumi.

- Bagaimanakah keadaan dunia ketika Tuhan memanggil Nuh untuk mengkhotbahkan injil? (Lihat Musa 8:20–22.) Apakah persamaan yang dapat anda lihat di antara orang-orang pada zaman Nuh dengan manusia pada zaman kita?
- Bagaimanakah manusia pada zaman Nuh dapat menghindarkan diri mereka daripada kehancuran? (Lihat Musa 8:23–24.) Bagaimanakah dengan mendengar dan mengikuti para nabi dapat menolong kita menghindarkan diri kita daripada kehancuran rohani dan jasmani?
- Mengapakah Nuh membina sebuah bahtera? (Lihat Ibrani 11:7.) “Bahtera” apakah yang kita miliki pada hari ini yang dapat menolong menyelamatkan kita daripada kejahatan di sekeliling kita? (Anda boleh merujuk kepada risalah *Untuk Memperkuat Remaja* [34285 299] untuk menjawab pertanyaan ini.) Bagaimanakah kita dapat menolong orang lain menemui tempat perlindungan di dalam “bahtera” ini?

Bacaan tambahan: Ibrani 11:7; Musa 7:32–36.

Perjanjian Abraham

Abraham 1:1–4; 2:1–11; Kejadian 12:1–8; 17:1–9

7

Pelajarilah Abraham 1:1–4; 2:1–11; Kejadian 12:1–8; 17:1–9. Di dalam pasal-pasal ini Abraham berusaha untuk menjadi orang yang benar dan layak

untuk berkat-berkat Tuhan. Tuhan membuat perjanjian dengan Abraham, yang menjanjikan bahawa Abraham akan memiliki keturunan yang banyak

yang akan menerima sebuah tanah perjanjian dan berkat-berkat keimamatan dan injil.

Seluruh anggota Gereja adalah daripada keturunan Abraham, yang bermaksud kita adalah keturunannya dan pewaris-pewaris untuk berkat-berkat serta tanggungjawab-tanggungjawab perjanjian Abraham. Berkat-berkat besar ini datang kepada kita apabila kita mematuhi perjanjian-perjanjian injil kita. Perjanjian pertama yang kita buat adalah pembaptisan. Kemudian kita menerima kegenapan perjanjian Abraham di dalam bait suci.

- Berkat-berkat apakah yang Tuhan janjikan kepada Abraham sebagai sebahagian daripada perjanjian Abraham? (Lihat Abraham 2:6–11; Kejadian 12:1–8; 17:1–9.)
- Apakah tanggungjawab kita sebagai pewaris perjanjian Abraham? (Lihat Abraham 2:9, 11; Kejadian 18:19.)

Bacaan tambahan: Ajaran dan Perjanjian 132:19–24, 29–32; Kejadian 15; “Abraham, Perjanjian,” Kamus Alkitab, muka surat 602.

Hidup dengan Benar di Dunia yang Penuh Kejahatan

Kejadian 13–14; 18–19

8

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Kejadian 13. Setelah lama menetap di Mesir, Abraham dan keluarganya kembali ke Kanaan. Abraham menetap di Hebron, dan anak saudaranya Lot tinggal berdekatan Sodom.
- b. Kejadian 14:1–2, 8–24. Lot telah ditawan dan kemudian dibebaskan oleh Abraham (14:1–22, 8–16). Abraham membayar persepuluhan kepada Melkisedek dan menolak pemberian sisa harta benda peperangan daripada raja Sodom (14:17–24).
- c. Kejadian 18:16–33; 19:1–29. Tuhan berkata bahawa Dia akan memusnahkan Sodom dan Gomora kerana kejahatan orang-orangnya (18:16–22). Abraham merayu kepada Tuhan untuk memelihara kota-kota tersebut jika dia dapat menemui orang-orang yang benar tinggal di sana (18:23–33). Lot dan keluarganya diperintahkan untuk meninggalkan Sodom (19:1–23). Tuhan

memusnahkan Sodom dan Gomora (19:24–29).

- Pada mulanya Lot “tinggal di kota-kota di lembah,” di luar Sodom, tetapi dia “mendirikan khemahnya ke arah Sodom” (Kejadian 13:12). Kemudian dia tinggal di kota Sodom tersebut (Kejadian 14:12). Apakah hal-hal yang mungkin kita lakukan yang secara rohaninya bermaksud mendirikan khemah-khemah kita ke arah Sodom?
- Apakah permintaan Abraham apabila dia mengetahui bahawa Tuhan akan memusnahkan Sodom dan Gomora? (Lihat Kejadian 18:23–32.) Apakah yang dapat kita pelajari daripada kenyataan bahawa Tuhan akan memelihara kota-kota tersebut jika masih mempunyai orang-orang benar tinggal di dalamnya?

Bacaan tambahan: Kejadian 12: TJS [Terjemahan Joseph Smith], Kejadian 14:25–40; 19:9–15.

“Tuhan Sendiri yang akan Menyediakan Seekor Anak Domba”

9

Abraham 1; Kejadian 15–17; 21–22

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Abraham 1:1, 5–20. Sebagai seorang remaja, Abraham telah dianiaya oleh para imam palsu Firaun. Mereka cuba mengorbankan dia, tetapi dia diselamatkan oleh Yehova.
- b. Kejadian 15–17; 21. Kemudian di dalam kehidupannya, Abraham telah dijanjikan untuk memiliki keturunan (15:1–6). Sarai memberikan Hagar kepada Abraham sebagai isterinya; Hagar melahirkan Ismael (16:1–16). Tuhan sekali lagi berbicara tentang perjanjian-Nya dengan Abraham, yang menjanjikan bahawa Abraham akan menjadi bapa kepada banyak bangsa (17:1–14). Kelahiran Ishak, di mana melaluinya perjanjian itu akan berterusan, telah diisytiharkan (17:16–22). Sarai melahirkan Ishak (21:1–12).
- c. Kejadian 22. Tuhan memerintahkan Abraham untuk mengorbankan Ishak (22:1–2). Abraham bersedia untuk mengorbankan Ishak, tetapi Tuhan menyediakan seekor kambing jantan untuk dikorbankan sebagai gantinya (22:3–19).

Catatan: Kejadian 17 menceritakan tentang Tuhan mengubah nama Abram menjadi Abraham dan nama Sarai menjadi Sara (lihat ayat 5, 15). Nama Abraham dan Sara digunakan dalam seluruh pasal ini.

- Bagaimanakah reaksi Abraham terhadap perintah Tuhan untuk mengorbankan Ishak? (Lihat Kejadian 22:2–3.) Bagaimanakah reaksi Ishak terhadap situasi ini? (Lihat Kejadian 22:3–10.) Apakah yang dapat kita pelajari daripada Abraham dan Ishak mengenai iman dan kepatuhan? (Lihat Ibrani 11:17–19; Yakobus 2:21–23.)
- Kerelaan Abraham untuk mengorbankan Ishak adalah serupa dengan kerelaan Bapa Syurgawi untuk mengorbankan Putera Tunggal-Nya (Yakub 4:5; Kejadian 22:8, 13). Apakah beberapa persamaan di antara pengalaman Abraham dengan Bapa Syurgawi? Apakah perbezaan terbesarnya?

Bacaan tambahan: Ibrani 11:8–19; Yakobus 2:21–23; Yakub 4:5; Ajaran dan Perjanjian 132:34–36.

Berkat Hak Kelahiran; Pernikahan Dalam Perjanjian

10

Kejadian 24–29

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Kejadian 24. Abraham menekankan kepentingan pernikahan dalam perjanjian melalui pemilihan seorang isteri yang layak bagi Ishak.
- b. Kejadian 25:20–34. Ribka menerima sebuah wahyu mengenai dua putera

kembarnya yang belum lahir (25:22–23). Apabila kedua-duanya telah dewasa, Esau menjual hak kelahirannya kepada Yakub. (25:29–34).

- c. Kejadian 26–29. Ishak beserta keturunannya dijanjikan berkat-berkat daripada perjanjian Abraham (26:1–5).

Esau menikah di luar perjanjian (26:34–35). Ishak memberkati Yakub untuk memerintah ke atas suku-suku dan bangsa-bangsa (27:1–46). Ishak memberitahukan kepada Yakub tentang berkat-berkat daripada perjanjian Abraham dan menyuruhnya untuk mendapatkan seorang isteri yang layak (28:1–10). Yakub menikahi Lea dan Rahel dalam perjanjian (29:1–30).

- Bagaimanakah ada di antara kita melakukan beberapa kesalahan seperti yang dilakukan oleh Esau, dengan memilih hal-hal yang mendatangkan

kepuasan segera daripada hal-hal yang memiliki nilai yang kekal?

- Apakah yang dapat kita pelajari mengenai Yakub daripada usaha-usahanya untuk menikah dalam perjanjian? (Lihat Kejadian 28:1–5; 29:1–28.)
- Apakah beberapa hal yang dapat dilakukan anak-anak dan kaum remaja untuk mempersiapkan diri untuk menikah di bait suci? Setelah dua orang dinikahkan di dalam bait suci, apakah yang harus mereka lakukan untuk memastikan bahawa mereka benar-benar memiliki pernikahan yang kekal?

“Bagaimanakah Mungkin Aku Melakukan Kejahatan yang Besar Ini?”

11

Kejadian 34; 37–39

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Kejadian 37. Yusuf, anak lelaki Yakub yang kesebelas, dibenci oleh adik-beradiknya dan dijual untuk dijadikan hamba.
- b. Kejadian 39. Yusuf menjadi makmur sebagai hamba tetapi dituduh melakukan perbuatan tidak bermoral dan dimasukkan ke dalam penjara (39:1–20). Ketua penjara memberi Yusuf tanggungjawab untuk mengawasi para tahanan yang lainnya (39:21–23).
- c. Kejadian 34:1–12; 35:22; 38:1–30. Dosa tidak bermoral menyebabkan akibat-akibat negatif pada keluarga Yakub (34:1–12; 35:22; 38:1–30).

Isteri Yakub melahirkan dua belas anak lelaki kepadanya, yang menjadi permulaan dua belas suku kaum Israel

(Tuhan telah mengubah nama Yakub menjadi Israel; lihat Kejadian 32:28). Anak Yakub yang kesebelas ialah Yusuf; sebagai anak sulung dari Yakub dan Rahel, Yusuf menerima hak kelahiran ketika Ruben, anak sulung Yakub dan Lea, telah kehilangan hak tersebut kerana kejahatan (1 Tawarikh 5:1–2).

- Apakah yang dilakukan Yusuf ketika isteri Potifar berusaha untuk menggodanya supaya berbuat dosa? (Lihat Kejadian 39:11–12.) Bagaimanakah kita dapat mengikuti teladan Yusuf apabila kita digodai?
- Apakah yang dapat kita pelajari dari Yusuf tentang mengubah pengalaman dan keadaan yang buruk kepada sesuatu yang baik? (Lihat Kejadian 39:20–23; lihat juga Roma 8:28.)

Bacaan tambahan: Kejadian 34:13–31.

Kejadian 40–45

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Kejadian 40–41. Di dalam penjara, Yusuf menafsirkan mimpi para hamba Firaun dengan tepat. Dia kemudiannya menafsirkan mimpi Firaun mengenai lembu dan jagung. Yusuf dijadikan pemerintah ke atas seluruh tanah Mesir oleh Firaun dan mempersiapkan rakyat untuk menghadapi kebuluran.
- b. Kejadian 42–45. Yakub telah dua kalinya mengutus anak-anaknya ke Mesir untuk membeli gandum. Yusuf memperlihatkan dirinya kepada saudara-saudaranya dan mengampuni mereka, dan mereka bergembira bersama.
- Apakah yang dunia ajarkan kepada kita hal yang harus dilakukan apabila seseorang berbuat salah terhadap kita, seperti yang dilakukan oleh

saudara-saudara Yusuf kepadanya? Apakah yang Tuhan perintahkan untuk kita lakukan? (Lihat A&P 64:8–11.) Bagaimanakah anda telah diberkati ketika anda berbuat baik kepada mereka yang melayan anda dengan kurang baik? Bagaimanakah kita dapat menjadi seorang yang lebih pemaaf?

- Bagaimanakah penawanan Yusuf di Mesir, yang merupakan suatu dugaan baginya, menjadi sebuah berkat baginya, keluarganya, serta seluruh rakyat Mesir? (Lihat Kejadian 45:4–8.) Pengalaman-pengalaman apakah yang anda miliki di mana peristiwa-peristiwa yang pada mulanya kelihatan negatif menjadi berkat bagi anda?

Bacaan tambahan: 2 Nefi 2:2; Ajaran dan Perjanjian 64:8–11; 122:5–9.

Penawanan, Paskah, dan Keluaran besar-besaran**Keluaran 1–3; 5–6; 11–14**

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Keluaran 1–3. Orang-orang Israel dijadikan hamba oleh bangsa Mesir (1:1–14). Firaun memerintahkan bahawa semua anak lelaki yang lahir dari bangsa Israel harus dibunuh (1:15–22). Musa dilahirkan dan dibesarkan oleh puteri Firaun (2:1–10). Tuhan menampakkan diri kepada Musa di dalam semak yang menyala dan memanggil dia untuk membebaskan Israel dari perhambaan (3:1–22).
- b. Keluaran 5–6. Musa dan Harun memohon kepada Firaun agar membebaskan Israel, tetapi Firaun menolak

dan memberikan beban yang lebih berat kepada orang-orang Israel (5:1–23). Tuhan berjanji untuk menggenapi perjanjian yang Dia telah lakukan dengan Abraham (6:1–8).

- c. Keluaran 11–13. Setelah menghantar banyak sumpahan kepada rakyat Mesir, Tuhan berjanji mengirim satu lagi sumpahan kepada mereka, di mana anak sulung bagi setiap keluarga akan mati (11:1–10). Tuhan memerintahkan Musa untuk bersiap sedia untuk Paskah, yang akan melindungi Israel dari sumpahan itu (12:29–30). Firaun mem-

- rintahkan Musa untuk membawa orang-orangnya keluar dari Mesir, dan orang-orang Israel pun pergi (12:31–42). Musa memberitahu anak-anak Israel untuk mengadakan Perayaan Roti Tidak Beragi pada masa hadapan sebagai peringatan akan pembebasan mereka (13:1–16). Tuhan berjalan di hadapan khemah Israel dalam awan pada siang hari dan dalam tiang api pada malam hari (13:7–22).
- d. Keluaran 14. Firaun dan tenteranya mengejar orang-orang Israel (14:1–9). Mereka menjadi ketakutan, dan Musa merayu kepada Tuhan untuk pertolongan (14:10–18). Orang-orang Israel menyeberangi Laut Merah di atas tanah yang kering; tentara Firaun mengejar mereka dan tenggelam (14:19–31).
- Dalam Jamuan Terakhir, Juruselamat telah mengadakan sakramen bagi menggantikan Paskah (Matius 26:19, 26–28). Apakah persamaan di antara Paskah dan sakramen? (Lihat Keluaran 12:14; 13:9–10; A&P 20:75–79.)
 - Apakah yang dikatakan oleh Musa kepada anak-anak Israel apabila mereka melihat tentera Firaun dan iman mereka goyah? (Lihat Keluaran 14:13–14.) Bagaimanakah kita dapat membangunkan iman yang cukup kuat untuk menyokong kita ketika kita dipenuhi dengan rasa takut?
 - Bagaimanakah Tuhan menyelamatkan anak-anak Israel daripada para tentera Mesir yang semakin hampir? (Lihat Keluaran 14:21–31.) Bagaimanakah kisah ini dapat menolong kita di dalam waktu-waktu kesusahan?
- Bacaan tambahan: Keluaran 4: 7–10; 15.

“Kamu Akan Menjadi Harta yang Luar Biasa bagi-Ku”

Keluarannya 15–20; 32–34

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Keluaran 15:22–27; 16:1–31; 17:1–7. Anak-anak Israel merungut kerana mereka haus dan lapar; Tuhan menyediakan air, manna, dan daging puyuh.
- b. Keluaran 17:8–13; 18:13–26. Amalek menyerang Israel. Israel menjadi lebih kuat apabila Musa mengangkat tangannya, tetapi Amalek menjadi lebih kuat apabila Musa penat dan menurunkan tangannya. Harun dan Hur menyokong tangan Musa, dan Israel memenangi peperangan itu (17:8–13). Musa memilih para hakim, dengan membahagi-bahagikan hak kuasa kepada mereka (18:13–26).
- c. Keluaran 19–20. Tuhan bertemu dengan Musa di Gunung Sinai dan memberi Israel Sepuluh Hukum.
- d. Keluaran 32–34. Musa menerima tablet-tablet batu yang berisi petunjuk-petunjuk daripada Tuhan tetapi dia menghancurkan tablet-tablet itu ketika dia melihat orang-orang menyembah sebuah anak lembu emas (31:18; 32:1–24). Tuhan mengambil tatacara-tatacara Imam Melkisedek daripada umat Israel dan memberi mereka hukum yang lebih rendah,

hukum Musa (TJS, Keluaran 34:1–2). Musa memegang kembali tablet-tablet batu yang baru, tetapi tablet-tablet batu yang baru tersebut tidak mengandungi “kata-kata perjanjian kekal dari imamat kudus” (Keluaran 34:1–5; TJS; Ulangan 10:2). Para umat Israel berjanji untuk mematuhi hukum Musa (34:10–35).

- Bagaimanakah manna melambangkan Kristus? (Lihat Yohanes 6:35). Bagaimanakah roti hidup Kristus berbeza dengan manna? (Lihat Yohanes 6:48–51.) Bagaimanakah kita dapat mengambil roti hidup Kristus setiap hari?
- Apakah yang telah Tuhan janjikan kepada anak-anak Israel jika mereka patuh? (Lihat Keluaran 19:3–6). Bagaimanakah janji-janji ini mempengaruhi kita pada hari ini?

- Mengapa Tuhan memberikan anak-anak Israel hukum Musa? (Lihat Galatia 3:23–24; Mosia 13:29; Alma 25:15–16; A&P 84:19–27.) Bagaimanakah hukum ini dapat menolong menjadikan Israel suci dan membawa mereka kepada Kristus? (Lihat Mosia 13:30; Alma 34:14–15.)
- Bilakah hukum Musa digenapi? (Lihat 3 Nefi 15:4–10). Sekarang Tuhan tidak lagi memerlukan korban bina-tang, yang merupakan bahagian yang penting dalam hukum Musa, pengorbanan apakah yang Dia ingin kita lakukan? (Lihat 3 Nefi 9:19–22.) Apakah ertinya mempersembahkan hati yang patah dan jiwa yang sesal?

Bacaan tambahan: Mazmur 78; 1 Korintus 10:1–11; Ajaran dan Perjanjian 84:19–27.

“Lihatlah kepada Tuhan dan Hiduplah”

Bilangan 11–14; 21:1–9

15

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Bilangan 11. Orang-orang Israel merungut mengenai manna dan berkeinginan untuk makan daging (11:1–9). Sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan, Musa mengumpulkan 70 penatua untuk membantunya (11:10–17, 24–30). Tuhan menjawab orang-orang Israel yang menginginkan daging dengan mengirimkan kepada mereka daging puyuh yang berlimpah-limpah dan menghajar mereka dengan suatu sumpahan kerana ketamakan dan kerakusan mereka (11:18–23, 31–35).
- b. Bilangan 12. Miryam dan Harun mencemuh Musa (12:1–3). Tuhan menghajar dan menghukum Miryam dan Harun kerana rungutan mereka (12:4–16).
- c. Bilangan 13–14. Musa menyuruh 12 orang untuk mengintai tanah Kanaan (13:1–20). Mereka kembali dengan laporan yang menyenangkan mengenai sumber-sumber tanah itu, tetapi semuanya kecuali Yosua dan Kaleb takut terhadap penduduknya dan berkeinginan untuk kembali ke Mesir (13:21–14:10). Tuhan memberitahu Musa bahawa umat-umat Israel yang tidak beriman dan merungut akan berlegar-legar di dalam hutan belantara selama 40 tahun, sehingga semua generasi yang lebih tua mati kecuali Yosua dan Kaleb (14: 11–39).
- d. Bilangan 21:1–9. Orang-orang Israel menghancurkan orang-orang Kanaan yang datang menyerang mereka (21:1–3). Tuhan mengirimkan ular-ular berapi sebagai hukuman bagi

orang-orang Israel yang tidak berhenti-henti merungut (21:4–6). Musa membuat ular tembaga, mengikatnya pada sebatang kayu, dan memberitahu mereka bahawa jika mereka memandang ular itu, mereka akan hidup (21:7–9).

- Mengapakah orang-orang Israel merungut mengenai manna? (Lihat Bilangan 11:4–6.) Apakah bahaya menginginkan lebih dari apa yang kita miliki?

- Sama seperti anak-anak Israel yang perlu memandang kepada ular tembaga tersebut untuk hidup, kita perlu memandang kepada Yesus Kristus untuk menerima kehidupan kekal (Alma 37:46–47; Helaman 8:15). Apakah maksudnya memandang kepada Kristus?

Bacaan tambahan: Yohanes 3:14–16; 1 Nefi 17:41; Alma 33:18–22; 37:46–47; Helaman 8:13–15.

“Aku Tidak Boleh Pergi Melebihi Firman Tuhan”

16

Bilangan 22–24; 31:1–16

Pelajarilah tulisan suci berikut:

a. Bilangan 22:1–21. Balak, raja Moab, takut kepada umat-umat Israel yang mendekati kotanya. Dia menawarkan ganjaran kepada Bileam jika dia mahu datang ke Moab dan menyumpah umat-umat Israel. Tuhan memerintahkan Bileam untuk menolaknya, dan Bileam patuh (22:1–14). Balak menawarkan kehormatan dan kekayaan tambahan kepada Bileam jika dia mahu datang ke Moab dan menyumpah Israel. Tuhan memberitahu Bileam dia boleh pergi jika dia mahu tetapi dia harus berbicara hanya menurut perkataan Tuhan yang akan diberikan kepadanya (22:15–21). Bileam memutuskan untuk pergi.

b. Bilangan 22:22–35. Tuhan marah terhadap Bileam kerana pergi ke Moab, mengetahui yang dia mengharap-harapkan beberapa ganjaran dari Balak. Dalam perjalanannya, Bileam mengetahui bahaya-bahaya kerana menyinggung Tuhan apabila keldainya dan seorang malaikat berbicara kepadanya.

c. Bilangan 22:36–24:25. Tiga kalinya Balak meminta Bileam untuk

menyumpah Israel, tetapi Bileam mematuhi Tuhan dan memberkati Israel setiap kalinya (22:36–24:9). Dia kemudiannya menyumpah Moab dan bernubuat tentang Yesus Kristus (24:10–25).

d. Bilangan 31:1–16. Umat-umat Israel menghancurkan Bangsa Midian dan membunuh Bileam. Musa menjelaskan bahawa Bileam menasihati Bangsa Midian untuk memujuk umat-umat Israel berbuat dosa (Akibat-akibat dari nasihat Bileam dijelaskan dalam Bilangan 25:1–3. Meskipun Bileam tidak menyumpah Israel secara langsung, dia nampaknya menginginkan ganjaran daripada Balak cukup teruk sehingga dia memujuk Israel untuk berbuat dosa, yang menyebabkan mereka kehilangan perlindungan Tuhan.)

- Bagaimanakah reaksi Bileam terhadap tawaran ganjaran-ganjaran tersebut sebagai pertukaran untuk pergi ke Moab untuk menyumpah Israel? (Lihat Bilangan 22:5–14.) Apakah ganjaran-ganjaran yang serupa itu kadang-kalanya ditawarkan kepada kita sebagai pertukaran untuk tidak mematuhi Tuhan?

- Dalam perjalanannya menuju Moab, Bileam berusaha tiga kali untuk memaksa keldainya berjalan ke hadapan (Bilangan 22:22–30). Dalam cara apakah hal ini serupa dengan hubungan Bileam dengan Tuhan? Apakah beberapa persamaan pada masa kini mengenai para individu atau kumpulan yang degil berusaha melakukan kehendak mereka daripada

menuruti kehendak Tuhan atau nasihat orang tua atau pemimpin mereka yang benar?

- Tiga penulis di dalam Perjanjian Baru merujuk pada Bileam (2 Petrus 2:15–16; Yudas 1:11; Wahyu 2:14). Apakah tanggapan mereka mengenai dia? Apakah pengajaran yang dapat kita pelajari dari kisah Bileam ini?

“Berhati-hatilah Supaya Jangan Sampai Engkau Lupa”

17

Ulangan 6; 8; 11; 32

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- Ulangan 6:1–9; 11:18–21. Musa memberikan perintah-perintah kepada umat-umat Israel untuk menolong mereka mengingat perjanjian-perjanjian mereka. Dia memerintahkan para ibubapa untuk mengajar anak-anak mereka tentang firman-Nya.
- Ulangan 6:10–12; 8:1–20. Musa mengingatkan umat-umat Israel akan berkat-berkat Tuhan kepada mereka. Dia memperingatkan mereka bahawa mereka akan dibinasakan jika mereka tidak mematuhi perintah-perintah Tuhan dan mengingat Dia.
- Ulangan 32:1–4, 15–18, 30–40, 45–47. Musa menasihati umat-umat Israel untuk mengingati Batu Karang kepada keselamatan mereka (Yesus Kristus).

Setelah menguji, menghukum, dan mengajar umat-umat Israel di padang belantara selama 40 tahun, Tuhan berkata mereka telah bersedia untuk memasuki tanah perjanjian. Tetapi pertama sekali Dia mempunyai beberapa arahan penting untuk mereka. Musa memberikan arahan-arahan tersebut di dalam tiga khotbah yang telah dicatatkan di dalam Ulangan.

- Menurut anda mengapakah Musa menyuruh mereka meletakkan ayat-ayat tulisan suci di antara mata mereka, di atas tangan mereka, di tempat-tempat di dalam rumah mereka, dan pada pintu-pintu mereka? Bagaimanakah peringatan yang berterusan seperti itu dapat mempengaruhi tindakan-tindakan kita? Apakah yang dapat kita lakukan di dalam rumah kita untuk mengingatkan kita terhadap Tuhan, firman-Nya, dan perjanjian-perjanjian kita dengannya? Adakah gambar-gambar di atas dinding kita, buku-buku yang kita baca, dan filem-filem serta rancangan televisyen yang kita tonton mengingati kita terhadap Tuhan, atau adakah mereka itu memberikan suatu keinginan terhadap hal duniawi?
- Apakah mesej-mesej utama Musa di dalam Ulangan 6:10–12 dan 8:1–20? Apakah ertinya melupakan Tuhan? (Lihat Ulangan 8:11.) Apakah akibat-akibat melupakan Dia? (Lihat Ulangan 8:19.)
- Siapakah Batu Karang yang dibicarakan di dalam Ulangan 32:3–4? (Yesus Kristus.) Menurut anda mengapakah Yesus Kristus adakalanya disebut

Batu Karang? (Lihat Helaman 5:12.)
Apakah artinya membina di atas Batu
Karang? (Lihat Ulangan 32:46–47;
Matius 7:24–27; A&P 50:44.)

Bacaan tambahan: Ulangan 4; 7:1–4;
13:1–8; 34.

“Jadilah Kuat dan Seorang yang Berani”

18

Yosua 1–6; 23–24

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Yosua 1. Tuhan memanggil Yosua untuk menggantikan Musa. Yosua mempersiapkan orang-orang Israel untuk mewarisi tanah yang Tuhan telah janjikan kepada mereka.
- b. Yosua 3–4; 6. Umat-umat Israel menyeberangi Sungai Yordan di atas tanah yang kering dan meletakkan 12 batu di sana sebagai sebuah peringatan akan penyeberangan mereka. Melalui iman para umat Israel, Yericho telah dimusnahkan.
- c. Yosua 23; 24:14–31. Yosua dan umat-umatnya berjanji untuk melayani Tuhan.

Musa merupakan satu-satunya pemimpin yang dikenali oleh seluruh generasi para umat Israel. Tetapi Tuhan telah mengambil dia pada akhir persinggahan mereka di padang belantara—tepat pada ketika mereka menghadapi ujian

besar. Mengingat janji-janji-Nya kepada umat-umat Israel, Tuhan telah membangkitkan seorang pemimpin baru, Yosua.

- Apakah yang dikatakan oleh Tuhan kepada Yosua untuk dia lakukan agar “berjaya dengan baik”? (Lihat Yosua 1:8.) Menurut anda mengapakah pembelajaran tulisan suci menjadi sangat penting bagi Yosua untuk berjaya di dalam pemanggilan-nya? Bagaimanakah mempelajari tulisan suci selalu telah menolong anda?
- Apakah nasihat penting yang diberikan oleh Yosua pada akhir kehidupannya? (Lihat Yosua 24:14–15.) Mengapakah penting untuk memilih *sekarang* untuk melayani Tuhan? Bagaimanakah kita dapat menunjukkan bahawa kita telah memilih untuk melayani-Nya?

Bacaan tambahan: Yosua 7; 14.

Pemerintahan Hakim-hakim

Hakim-hakim 2; 4; 6–7; 13–16

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Hakim-hakim 2:6–23. Generasi baru anak-anak Israel meninggalkan Tuhan untuk melayani tuhan-tuhan palsu.
- b. Hakim-hakim 4:1–16. Barak diperintahkan untuk membebaskan Israel dari Yabin, raja Kanaan (4:1–7). Dia bersetuju untuk pergi jika Debora

pergi bersamanya (4:8–9). Debora dan Barak membebaskan Israel daripada bangsa Kanaan (4:10–16).

- c. Hakim-hakim 6–7. Gideon diperintahkan untuk membebaskan Israel daripada Bangsa Midian (6:1–24). Dia dan 10 orang lainnya menghancurkan mezbah Baal (6:25–35).

19

Tuhan meyakinkan Gideon untuk membantunya dengan memberinya dua tanda (6:36–40). Gideon dan 300 orang yang lainnya membebaskan Israel (7:1–25).

- d. Hakim-hakim 13–16. Seorang malai-
kat memerintahkan ibubapa Simson
untuk membesarkannya sebagai se-
orang yang dinazarkan bagi Tuhan
(13:1–25). Simson menunjukkan ke-
kuatannya yang besar tetapi melang-
gar banyak sumpahnya sebagai sese-
orang yang dinazarkan bagi Tuhan
(14–15). Simson menyerah kepada
pujuk rayu Delila; rambutnya dipo-
tong, dan dia menjadi lemah, lalu
ditangkap orang-orang Filistin, dan
mati ketika merobohkan bait suci
mereka (16:1–31).

Setelah Yosua mati, hakim-hakim ber-
khidmat sebagai para pemerintah dan
pemimpin tentera Israel. Kebanyakan
daripada pemerintahan mereka pe-
nuh dengan tragedi kerana Israel telah
banyak melalui kitaran kejatuhan dari
kebenaran, penawanan, pertaubatan,
dan pembebasan. Bertentangan de-
ngan kisah sejarah yang penuh tragedi
ini adalah kisah tentang para hakim
yang benar seperti Debora dan Gideon,

yang tetap setia dan menjalankan
iman serta keberanian dalam membe-
baskan bangsa mereka.

- Apakah yang dapat kita pelajari dari-
pada Debora untuk menjadi seorang
teman sejati? Bagaimanakah teman-
teman anda telah menolong anda
menghadapi cabaran-cabaran yang
sukar atau mematuhi perintah-
perintah Tuhan? Bagaimanakah kita
dapat menjadi teman-teman yang
lebih baik kepada orang lain?
- Sebagai seorang yang dinazarkan ba-
gi Tuhan dan anggota bangsa Israel,
Simson membuat perjanjian dengan
Tuhan. Perjanjian-perjanjian apakah
yang telah kita buat dengan Tuhan?
Bagaimanakah perjanjian-perjanjian
ini telah menguatkan anda?
- Apakah akibat pelanggaran Simson
terhadap perjanjian-perjanjiannya?
(Lihat Hakim-hakim 16:17–21).
Apakah akibatnya apabila kita me-
langgar perjanjian-perjanjian kita?

Bacaan tambahan: “Hakim-Hakim” dan
“Hakim-Hakim, Kitab,” Kamus Alkitab
(Gereja Yesus Kristus Orang Suci
Zaman Akhir), muka surat 719–20.

“Setiap Orang Dalam Kota ... Tahu Bahawa Engkau Seorang Perempuan Baik-baik”

20

Rut; 1 Samuel 1

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Rut 1–2. Setelah suaminya mening-
gal, Rut pergi ke Betlehem bersama
ibu mertuanya, Naomi. Di Betlehem,
Rut bekerja di ladang Boas, yang
melayannya dengan baik.
- b. Rut 3–4. Rut sujud menyembah
kaki Boas, dan dia berjanji untuk
menikahnya. Mereka menikah dan
memiliki seorang anak.

- c. 1 Samuel 1; 2:1–2, 20–21. Hana di-
berkati dengan seorang anak lelaki,
yang dia berikan kepada Tuhan se-
perti yang dia janjikan. Dia kemu-
diannya diberkati dengan lebih
banyak anak.
- Apakah yang ditinggalkan oleh Rut
apabila dia pergi ke Betlehem ber-
sama Naomi? Apakah yang diperoleh
oleh Rut apabila dia pergi bersama

Naomi? (Injil Yesus Kristus; lihat Rut 1:16.) Apakah yang dapat kita pelajari daripada Rut tentang membuat pengorbanan untuk injil?

- Menurut anda bagaimanakah perasaan Hana tentang menyerahkan Samuel ke dalam pelayanan Tuhan?

Apakah yang diminta oleh Tuhan daripada kita untuk diberikan kepada-Nya? Bagaimanakah sikap kita apabila memberi kepada-Nya?

- Apakah sifat-sifat kebaikan yang diteladankan oleh Rut, Naomi, dan Hana?

Tuhan Akan Menghormati Mereka yang Menghormati Dia

21

1 Samuel 2–3; 8

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- 1 Samuel 2:12–17, 22–25. Anak-anak lelaki Eli melakukan pelanggaran dan dinasihati oleh ayah mereka.
 - 1 Samuel 2:27–36; 3:12–14. Seorang utusan Tuhan memperingatkan Eli mengenai akibat-akibat kejahatan di dalam keluarganya.
 - 1 Samuel 3. Tuhan memanggil Samuel, dan Samuel menjawab.
 - 1 Samuel 8. Umat-umat Israel menginginkan seorang raja agar mereka dapat menjadi “seperti semua bangsa.” Samuel memperingatkan mereka tentang bahaya-bahaya yang datang daripada pilihan sedemikian.
- Apakah yang ditunjukkan oleh perbuatan anak-anak Eli mengenai orang yang mereka pilih untuk dihormati? (Lihat 1 Samuel 2:12–17, 22–25).

Dari segi manakah dalam kehidupan kita kadang-kalanya lebih mementingkan dan menyenangkan diri kita sendiri daripada Tuhan?

- Seorang utusan Tuhan datang dan menegur Eli, dengan mengatakan bahawa Eli lebih mementingkan anak-anaknya daripada Tuhan (1 Samuel 2:27–29). Dalam cara apakah Eli lebih mementingkan anak-anaknya daripada Tuhan? Bagaimanakah kita adakalanya lebih mementingkan orang lain daripada Tuhan?
- Bagaimanakah Samuel mementingkan Tuhan? Bagaimanakah Tuhan mementingkannya? (Lihat 1 Samuel 3:19; lihat juga 1 Samuel 2:30.) Menurut anda bagaimanakah Tuhan akan mementingkan kita jika kita mementingkan Dia?

“Tuhan Melihat pada Hati”

22

1 Samuel 9–11; 13; 15–17

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- 1 Samuel 9–11. Saul mencari bimbingan daripada Samuel (9:1–14, 18–24). Tuhan menyatakan kepada Samuel bahawa Saul akan menjadi raja (9:15–17). Samuel menasihati

Saul dan mengurapi dia sebagai raja pertama Israel (9:25–27; 10:1–8). Saul dilahirkan kembali secara rohani, dan dia bernubuat (10:9–13). Samuel mempersembahkan Saul kepada rakyat (10:17–27). Saul memimpin Israel

- meraih kemenangan dalam peperangan (11:1–11). Dia menolak untuk menghukum orang-orang yang telah meragui kemampuannya untuk memimpin bangsanya (11:12–15).
- b. 1 Samuel 13:1–14. Saul mempersembahkan korban bakaran tanpa hak kuasa yang sah.
- c. 1 Samuel 15. Saul diperintahkan untuk menghancurkan orang-orang Amalek dan seluruh harta benda mereka, tetapi dia menyelamatkan beberapa ekor binatang-binatang mereka untuk dijadikan korban (15:1–9). Tuhan menolak Saul sebagai raja, dan Samuel memberitahu Saul bahawa kepatuhan adalah lebih baik daripada pengorbanan (15:10–35).
- d. 1 Samuel 16. Tuhan memilih Daud untuk menggantikan Saul sebagai raja (16:1–13). Roh Kudus meninggalkan Saul, dan roh jahat menggantikan kedudukannya (16:14–16; catatan bahawa dalam TJS [Terjemahan Joseph Smith] dari ayat-ayat ini menunjukkan bahawa roh jahat *bukan* berasal dari Tuhan). Saul memilih Daud untuk memainkan kecapi baginya dan menjadi pembawa senjatanya (16:17–23).
- e. 1 Samuel 17. Daud membunuh Goliat dengan kekuatan daripada Tuhan
- Bagaimanakah reaksi Samuel terhadap penjelasan Saul untuk menyelamatkan binatang-binatang Bangsa Amalek? (Lihat 1 Samuel 15:22.) Bagaimanakah kata-kata Samuel dapat berguna bagi kita?
 - Apakah yang dipelajari Samuel ketika dia berusaha memutuskan siapakah di antara anak-anak lelaki Isai yang harus menggantikan Saul sebagai raja? (Lihat 1 Samuel 16:6–7.) Apakah yang diajarkan oleh 1 Samuel 16:7 tentang cara Tuhan menilai kita? Apakah yang dilihat oleh Tuhan di dalam hati kita? Bagaimanakah kita dapat meningkatkan kemampuan dan komitmen kita untuk melihat orang lain lebih daripada penampilan luaran mereka dan melihat hati mereka?
 - Bagaimanakah Daud memperoleh keberanian untuk melawan Goliat? (Lihat 1 Samuel 17:32–37, 45–47.) Bagaimanakah Tuhan telah menolong anda mengatasi “Goliat” yang sedang anda hadapi?
- Bacaan tambahan: 1 Samuel 12; 14.

“Tuhan Kiranya Menyertai Engkau dan Aku Selama-lamanya”

1 Samuel 18–20; 23–24

23

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. 1 Samuel 18:1–16. Yonatan dan Daud membuat sebuah perjanjian persahabatan (18:1–4). Daud dihormati oleh orang-orang Israel kerana kejayaannya dalam peperangan (18:5–7). Saul menjadi cemburu terhadap Daud dan cuba untuk membunuhnya (18:8–16; catatan bahawa TJS [Terjemahan Joseph Smith] dari ayat 10 menunjukkan bahawa roh jahat yang merasuki Saul *bukan* berasal dari Tuhan).
- b. 1 Samuel 18:17–30; 19:1–18. Daud melawan orang-orang Filistin sebagai pertukaran untuk hak mengahwini anak perempuan Saul, tanpa mengetahui bahawa Saul berharap Daud

akan mati dalam peperangan (18:17–25). Daud memetik kemenangan melawan orang-orang Filistin dan menikahi anak perempuan Saul, Mikhal (18:26–28). Yonatan menyuruh Daud untuk bersembunyi dan berusaha meyakinkan Saul agar tidak membunuhnya (19:1–7). Saul gagal dalam percubaan lainnya untuk membunuh Daud (19:9–10). Mikhal menyelamatkan Daud daripada percubaan Saul yang seterusnya untuk meragut nyawanya (19:11–18).

c. 1 Samuel 20. Yonatan dan Daud memperbaharui perjanjian persahabatan dan kedamaian mereka. Ketika Saul sekali lagi berusaha membunuh Daud, Yonatan memberikan amaran kepada Daud.

d. 1 Samuel 23–24. Daud terus berperang melawan orang-orang Filistin dan membebaskan Saul. Daud menemui Saul dan menyelamatkan nyawanya.

- Menurut anda mengapakah Yonatan tidak berasa cemburu terhadap Daud atau terancam olehnya? (1 Samuel 18:1, 3.)
- Apakah yang mendorong Saul untuk membenci Daud? (Lihat 1 Samuel 18:6–9.) Mengapakah adakalanya sulit untuk berasa gembira terhadap kejayaan orang lain? Bagaimanakah rasa dengki dan kesombongan mempengaruhi keadaan rohani kita?
- Bagaimanakah iman kepada Tuhan mempengaruhi persahabatan Yonatan dan Daud? (Lihat 1 Samuel 20:23.) Bagaimanakah kasih kita terhadap Tuhan mempengaruhi kasih kita terhadap satu sama lain?
- Apakah yang diajarkan melalui teladan Daud kepada kita mengenai dendam? (Lihat 1 Samuel 24:6–15.)

Bacaan tambahan: 1 Samuel 14:1–16; 2 Samuel 1.

“Jadikanlah Hatiku Tahir”

2 Samuel 11–12; Mazmur 51

24

Pelajarilah tulisan suci berikut:

a. 2 Samuel 11. Daud melakukan pezinaan dengan Batsyeba, isteri kepada Uria (11:1–5). Daud gagal dalam cubaan untuk menyembunyikan dosanya (11:6–13). Dia merancang kematian Uria (11:14–17). Daud menikahi Batsyeba, dan mereka memiliki seorang anak lelaki (11:26–27).

b. 2 Samuel 12:1–23. Nabi Natan mengajarkan tentang keparahan dosa-dosa Daud dengan menceritakan kepada Daud sebuah perumpamaan (12:1–6). Daud diberitahu bahawa dia akan dihukum kerana dosa-dosanya (12:7–14; catatan bahawa dalam TJS

[Terjemahan Joseph Smith] dari ayat 13, Natan menyatakan, “Tuhan belum menjauhkan dosamu itu: engkau tidak akan mati”). Anak lelaki sulung Daud dan Batsyeba mati ketika masih bayi (12:15–23).

c. Mazmur 51. Daud yang bertobat mencari pengampunan.

Daud menggantikan Saul sebagai raja dan menjadi salah satu raja yang hebat dalam sejarah Israel. Dia menyatukan suku-suku menjadi satu bangsa, melindungi harta benda negeri yang telah dijanjikan kepada rakyatnya, dan membangunkan sebuah pemerintahan berdasarkan kepada hukum Tuhan.

Namun, saat kehidupannya selama 20 tahun sebelum ianya berakhir dipenuhi dengan kesan dosa-dosanya.

- Apakah yang telah dilakukan oleh Daud sehingga menyebabkannya melakukan pezinaan? (Lihat 2 Samuel 11:2–4.) Apakah yang dapat menyebabkan manusia tergoda untuk melakukan dosa-dosa seksual? Apakah yang dapat kita lakukan untuk menghindari daripada tergoda untuk melakukan dosa-dosa seksual?
- Apakah dosa yang lebih serius yang dilakukan oleh Daud dalam cubaannya untuk menyembunyikan perbuatan tidak bermoralnya? (Lihat 2 Samuel 11:14–17.) Menurut anda, Daud menyangka dia dapat menyembunyikan dosanya daripada siapa? Bagaimanakah manusia berusaha untuk menyembunyikan dosa-dosa mereka pada hari ini? Apakah yang terjadi apabila kita berusaha menyembunyikan dosa-dosa kita?

Dalam sebuah Mazmur kepada Tuhan, Daud meluahkan suatu keinginan untuk menolong orang lain bertobat, dengan mengatakan, “Aku [akan] mengajarkan jalan-Mu kepada orang-orang yang melakukan pelanggaran, supaya orang-orang berdosa berbalik kepada-Mu” (Mazmur 51:13). Meskipun Daud kehilangan kemuliaannya kerana dia merancang kematian Uria, kita dapat mempelajari daripada sikap pertaubatannya sewaktu dia mencari pengampunan di atas dosa pezinaan. Katakatanya di dalam Mazmur 15 mengajarkan banyak aspek mengenai pertaubatan yang sejati. Sewaktu anda mengkaji Mazmur, carilah cara-cara yang dapat anda terapkan tentang pertaubatan Daud di dalam kehidupan anda.

Bacaan tambahan: 2 Samuel 2–10.

“Biarlah Semua yang Bernafas Memuji Tuhan”

Mazmur

25

Pelajarilah tulisan suci yang dibincangkan di sini dan sebanyak mana kitab Mazmur yang dapat anda baca.

Kitab Mazmur adalah koleksi puisi yang pada asalnya dinyanyikan sebagai pujian atau pemujaan kepada Tuhan. Banyak di antaranya ditulis oleh Daud. Kitab ini seperti sebuah nyanyian rohani dari Israel pada zaman dahulu.

Banyak Mazmur mewahyukan tentang misi Kristus sebagai Mesias. Perhatikan penggenapan wahyu-wahyu berikut mengenai Kristus yang ditulis di dalam kitab Mazmur.

Wahyu

Mazmur 69:20

Mazmur 22:7–8

Mazmur 22:16

Mazmur 22:18

Mazmur 22:1

Mazmur 16:10

Penggenapan

Markus 14:32–41

Matius 27:39–43

Markus 15:25

Matius 27:35

Matius 27:46

Kisah Para Rasul
2:31–32; 13:34–35

Bacalah Mazmur berikut yang meluahkan rasa syukur kepada Juruselamat di atas belas kasihan, pengampunan, dan kasih-Nya: Mazmur 23; 51; 59:16; 78:38; 86:5, 13; 100:4–5; 103:2–4, 8–11, 17–18.

Bacalah Mazmur berikut yang mengajarkan tentang kepentingan untuk percaya kepada Tuhan: Mazmur 4:5; 5:11; 9:10; 18:2; 56:11; 62:8; 118:8-9.

Bacalah Mazmur berikut mengenai bait suci: Mazmur 5:7; 15:1-3; 24; 27:4; 65:4; 84:1-2, 4, 10-12; 122; 134.

Raja Salomo: Orang yang Bijaksana, Orang yang Jahil

26

1 Raja 3: 5-11

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. 1 Raja-raja 3:5-28. Salomo menggantikan ayahnya, Daud, sebagai raja, dan mengikuti Tuhan. Tuhan menampakkannya kepada Salomo dan memberkati dia dengan kebijaksanaan, kekayaan, serta penghormatan (3:5-15). Dua perempuan membawa seorang anak kecil ke hadapan Salomo, yang dengan bijaksana memutuskan perempuan yang manakah merupakan ibu kepada anak tersebut (3:16-28).
- b. 1 Raja-raja 5-6; 7:1-12. Raja Salomo memimpin pembangunan sebuah bait suci yang megah (5-6). Dia telah membina sebuah istana bagi dirinya sendiri (7:1-12).
- c. 1 Raja-raja 8:22-66; 9:1-9. Salomo menguduskan bait suci dan permohonan kepada Tuhan untuk memberkati bangsa Israel dengan kemakmuran rohani dan jasmani (8:22-66). Tuhan sekali lagi menampakkannya kepada Salomo, yang berjanji untuk memberkati bangsa Israel jika mereka melayani Dia tetapi menyumpah mereka jika mereka berpaling kepada tuhan-tuhan yang lain (9:1-9).
- d. 1 Raja-raja 10-11. Kemasyhuran Salomo semakin meluas disebabkan kekayaan dan kebijaksanaannya (10:1-13, 24-25). Dia menjadi sangat kaya (10:14-23, 26). Dia menikahi ramai wanita bukan Israel yang

memujuknya untuk menyembah tuhan-tuhan palsu (11:1-10). Tuhan membangkitkan musuh-musuh untuk melawan Salomo (11:11-25). Seorang nabi meramalkan bahwa kerajaan Israel akan terbagi karena kejahatan Salomo (11:26-40).

- Apakah maksudnya memiliki “hikmat di dalam hati”? (Lihat 1 Raja-raja 3:28; 4:29.) Mengapakah Salomo merasakan suatu keperluan khusus untuk berkat tersebut? (Lihat 1 Raja-raja 3:7-8). Bagaimanakah memiliki “hikmat Tuhan” membantu kita dengan tanggungjawab-tanggungjawab kita di rumah, di tempat kerja, di sekolah, dan di Gereja? Bagaimanakah kita dapat menerima hikmat ini?
- Apakah janji yang diberikan Tuhan kepada Salomo berkenaan dengan bait suci? (Lihat 1 Raja-raja 6:11-13.) Apakah janji yang serupa yang Tuhan telah berikan kepada kita pada masa kini? (Lihat A&P 97:15-17.) Apakah yang dapat kita lakukan untuk memelihara pengaruh bait suci untuk sentiasa kuat di dalam kehidupan kita?
- Bagaimanakah kekayaan dan kehormatan Salomo meningkat setelah bait suci tersebut dibangunkan? (Lihat 1 Raja-raja 10:1-15, 24-25). Bagaimanakah Salomo menyalahgunakan berkat-berkat tersebut?

(Lihat 1 Raja-raja 10:16–23, 26–29.)
Bagaimana seharusnya kebijaksanaan, kekayaan, dan kehormatan digunakan? (Lihat Yakub 2:18–19.)

Bacaan tambahan: 1 Raja-raja 2:1–12; 4:29–34; 7:13–51; 1 Tawarikh 29; Ajaran dan Perjanjian 46.

Pengaruh Pemimpin-Pemimpin yang Jahat dan Benar

27

1 Raja-raja 12–14; 2 Tawarikh 17; 20

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. 1 Raja-raja 12:1–20. Rehabeam menggantikan ayahnya, Salomo, sebagai raja kepada dua belas suku Israel. Dia menolak nasihat orang-orang bijaksana untuk melayani rakyatnya, malahan berusaha memberikan beban yang lebih berat kepada mereka (12:1–15). Kerajaan dipecah-belah apabila sepuluh suku memberontak (12:16–19; sepuluh suku mempertahankan nama kerajaan Israel, sementara suku Yehuda dan Benyamin tetap di bawah kekuasaan Rehabeam dan disebut kerajaan Yehuda). Kerajaan Israel memilih Yerobeam sebagai raja (12:20).
- b. 1 Raja-raja 12:25–33; 13:33–34; 14:14–16, 21–24. Yerobeam memimpin rakyatnya kepada penyembahan berhala (12:25–33; 13:33–34). Seorang nabi meramalkan kehancuran keluarga Yerobeam dan pencerai-beraian Israel (14:14–16). Rehabeam memimpin kerajaan Yehuda kepada penyembahan berhala (14:21–24).
- c. 2 Tawarikh 17:1–10; 20:1–30. Yosafat, cicit Rehabeam, memerintah dengan benar di dalam kerajaan

Yehuda (17:1–10). Sewaktu musuh-musuh Yehuda datang menyerang mereka, Yosafat dan rakyatnya berpuasa dan berdoa. Tuhan mengatakan kepada mereka bahawa peperangan itu bukan untuk mereka, tetapi adalah untuk-Nya. Para penyerang mereka berperang dan saling menghancurkan satu sama lain (20:1–30).

- Apakah nasihat yang diberikan para lelaki yang lebih tua kepada Rehabeam mengenai pemerintahan yang berjaya? (Lihat 1 Raja-raja 12:6–7; 2 Tawarikh 10:7.) Bagaimanakah kita dapat menggunakan nasihat ini di rumah, di tempat kerja, di sekolah, dan di dalam Gereja?
- Yosafat mempengaruhi rakyat Yehuda untuk merendahkan diri mereka di hadapan Tuhan (2 Tawarikh 20:3–4). Teladan-teladan apakah yang telah anda lihat kerana kepemimpinan yang benar? Apakah yang dapat kita lakukan untuk mempengaruhi mereka yang kita layani untuk hidup dengan benar?

Bacaan tambahan: 1 Raja-raja 11:26–40; 2 Raja-raja 17:20–23.

“Setelah Api Terdengarlah Suara yang Halus dan Kecil”

28

1 Raja-raja 17–19

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. 1 Raja-raja 17. Elia menutup syurga dari hujan, melarikan diri dari Ahab dan Izebel, dan dengan ajaibnya dapat meneruskan hidup di dalam padang belantara (17:1–6). Tuhan mengutus Elia kepada seorang janda yang memberinya makanan dan air (17:7–16). Elia membangkitkan anak lelaki janda tersebut dari kematian (17:17–24).
- b. 1 Raja-raja 18. Setelah lebih dari dua tahun mengalami kebuluran, Elia bertemu dengan Ahab dan menentang para imam Baal untuk menurunkan api dari syurga untuk menyalakan korban bakaran mereka (18:1–2, 17–24). Para imam Baal gagal, tetapi Elia berdoa dan Tuhan menurunkan api untuk menyalakan korban bakaran yang telah dia sediakan (18:25–40). Elia berdoa untuk menghentikan kebuluran, dan Tuhan menghantar hujan (18:41–46).
- c. 1 Raja-raja 19. Izebel berusaha membunuh Elia (19:1–2). Elia melarikan diri ke padang belantara dan diberi makan oleh seorang malaikat (19:3–8). Elia pergi ke Horeb, di mana dia dihiburkan oleh Roh Kudus dan diperintahkan untuk terus melakukan pekerjaan Tuhan (19:9–19).

Setelah Yerobeam memimpin Israel kepada penyembahan berhala, dia dan keturunannya dihancurkan. Mereka diikuti oleh pengganti-pengganti raja lain yang juga menyembah berhala. Di antara para pemerintah itu, Ahab

adalah raja yang “membangkitkan kemurkaan Tuhan Israel, lebih daripada semua raja Israel yang terdahulu” (1 Raja-raja 16:33). Dia menikahi Izebel, dan mengikut amalnya dalam penyembahan Baal, dan mendorong rakyatnya untuk bergabung dengannya dalam penyembahan tuhan palsu tersebut. Nabi Elia memberikan kata-kata amaran kepada Ahab dan kerajaannya.

- Menurut anda mengapakah Tuhan memerintahkan si janda miskin untuk memberi makan kepada Elia sebelum dia menyediakan makanan bagi dirinya sendiri dan anak lelakinya? (Lihat 1 Raja-raja 17:14–16.) Apakah cara-cara kita diminta untuk mengutamakan hal-hal Tuhan dahulu di dalam kehidupan kita?
- Ketika orang ramai berkumpul untuk mendengarkan Elia di Gunung Karmel, dia bertanya, “Berapa lama lagikah kamu tetap mendua hati?” (1 Raja-raja 18:21). Bagaimanakah kita kadang-kalanya menduaikan hati kita?
- Bagaimanakah Tuhan menghibur Elia di Gunung Horeb? (Lihat 1 Raja-raja 19:9–13.) Apakah yang dapat kita pelajari dari hal ini tentang cara Tuhan berkomunikasi dengan kita? Menurut anda mengapakah Tuhan selalu berkomunikasi melalui “suara yang halus dan kecil” daripada Roh Kudus daripada melalui suara yang lantang dan menunjukkan kekuasaan yang besar? Bagaimanakah kita dapat memahami bisikan Roh Kudus?

Pelajarilah tulisan suci berikut:

a. 2 Raja-raja 2:1–18. Elia mempersiapkan Elisa untuk menjadi nabi yang baru (2:1–10). Elia diangkat ke syurga. Elisa memungut jubah Elia dan menjadi nabi (2:11–15). Lima puluh orang mencari Elia selama tiga hari meskipun Elisa menasihati (2:16–18).

b. 2 Raja-raja 5. Elisa menyembuhkan penyakit kusta Naaman (5:1–14). Naaman memuji Tuhan dan memberi Elisa ganjaran, yang ditolak Elisa (5:15–19).

c. 2 Raja-raja 6:8–18. Elisa memimpin raja Israel dalam sebuah peperangan melawan Siria (6:8–10). Raja Siria memerintahkan orang-orangnya untuk menangkap Elisa, dan bala tentera mengepung kota Dotan (6:11–14). Dengan berani, Elisa berdoa, dan Tuhan memenuhi gunung itu dengan kuda dan kereta berapi,

kemudian melanda tentera Siria dengan kebutaan (6:15–18).

- Apakah yang dapat diajarkan oleh kisah Naaman kepada kita tentang mengikuti nasihat nabi—walaupun kita mungkin tidak menyukai atau memahaminya ataupun hal itu hanya merupakan masalah yang kecil dan mudah? Apakah hal-hal kecil dan mudah yang telah disuruh oleh nabi atau para pemimpin Gereja lainnya agar kita lakukan? Mengapakah hal-hal ini adakalanya sukar untuk dilakukan? Bagaimanakah kita dapat meningkatkan kerelaan kita untuk mengikuti nasihat para pemimpin Gereja?
- Apakah yang dimaksudkan oleh Elisa ketika dia memberitahu hambanya, “Ada lebih banyak yang menyertai kita daripada yang menyertai mereka” (2 Raja-raja 6:16). Bagaimanakah anda melihat bahawa pernyataan Elisa masih benar pada hari ini?

“Datanglah ke Rumah Tuhan”

2 Tawarikh 29–30; 32; 34

30

Pelajarilah tulisan suci berikut:

a. 2 Tawarikh 29–30. Hizkia, raja Yehuda, membuka pintu-pintu bait suci dan memerintahkan para imam dan orang-orang Lewi untuk membersihkan dan menguduskannya untuk peribadatan (29:1–19). Apabila bait suci telah dibersihkan, Hizkia dan rakyatnya beribadat bersama dan memuji Tuhan (29:20–36). Hizkia mengundang semua orang Israel untuk datang ke bait suci di Yerusalem (30:1–9). Beberapa orang mempersendakan undangan itu, tetapi umat-umat Israel yang beriman

beribadat kepada Tuhan di Yerusalem (30:10–27).

b. 2 Tawarikh 32:1–23. Sanherib, raja Asyur, menakluki Yehuda dan mencela Tuhan (32:1–19). Yesaya dan Hizkia berdoa memohon bantuan, dan seorang malaikat Tuhan menghancurkan banyak tentera Asyur (32:20–23).

c. 2 Tawarikh 34. Setelah anak dan cucu lelaki Hizkia memerintah dalam kejahatan, cicit lelaki Hizkia, Yosia menjadi raja Yehuda. Yosia memusnahkan patung-patung berhala di

dalam kerajaan dan memperbaiki bait suci (34:1–13). Kitab Taurat ditemui di dalam bait suci dan dibacakan kepada Yosia, yang menangis apabila dia menyedari betapa jauh rakyatnya telah menyimpang dari Taurat tersebut (34:14–21). Nabi perempuan yang bernama Hulda menyatakan masa kehancuran Yehuda yang akan datang tetapi meramalkan bahawa Yosia tidak akan menyaksikan hal itu (34:22–28). Yosia dan rakyatnya berjanji untuk melayani Tuhan (34:29–33).

- Apakah yang dapat kita pelajari daripada Hizkia mengenai hubungan yang betul di antara percaya kepada

usaha kita sendiri dengan percaya kepada Tuhan? (Lihat 2 Tawarikh 32:7–8.)

- Ketika Yosia dan orang-orangnya berada di bait suci, apakah yang mereka janji untuk lakukan? (Lihat 2 Tawarikh 34:31–33.) Bagaimanakah kita dapat mempersiapkan diri untuk membuat perjanjian kudus bait suci? Setelah kita membuat perjanjian-perjanjian tersebut, mengapakah penting untuk kita kembali ke bait suci sekarang yang boleh?

Bacaan tambahan: 2 Raja-raja 18–19; 22–23; Yesaya 37:10–20, 33–38.

“Berbahagialah Orang yang Menemukan Kebijaksanaan”

31

Amsal dan Pengkhotbah

Pelajarilah tulisan suci yang dibincangkan di sini dan sebanyak yang mungkin dari kitab Amsal dan Pengkhotbah.

Amsal secara amnya merupakan kata pepatah singkat yang memberikan nasihat mengenai menjalankan kehidupan yang benar. Perjanjian Lama mencatatkan bahawa Salomo “mengarang tiga ribu Amsal” (1 Raja-raja 4:32).

Beberapa di antara pepatah bijaksana ini terkandung di dalam Kitab Amsal. Walaupun Salomo dan para pengarang lain kitab ini bukanlah nabi, kebanyakan daripada tulisan mereka diilhami oleh Tuhan. Kitab Pengkhotbah juga berisikan pepatah bijaksana, dan beberapa orang mempercayai bahawa Salomo adalah pengarangnya.

- Kitab Amsal dan Pengkhotbah menekankan kepentingan kebijaksanaan. Apakah perbezaan-perbezaan di antara menjadi terpelajar dan menjadi bijaksana? (Lihat Amsal 1:7; 9:9–10; 2 Nefi 9:28–29.)

- Apakah nasihat yang diberikan dalam Amsal 3:5–7? Apakah pengalaman-pengalaman yang telah mengajar anda untuk mempercayai Tuhan?
- Mengapakah Tuhan mengambil berat terhadap kata-kata yang kita ucapkan? (Lihat Amsal 16:27–28; 18:8; 25:18; Matius 12:36–37.) Bagaimanakah kita dapat mengatasi masalah-masalah pembohongan, gosip, atau berkata negatif mengenai orang lain?
- Amsal 13:10 dan 16:18 mengajarkan bahawa kesombongan membawa kepada pertengkaran dan kehancuran. Bagaimanakah kesombongan boleh menyebabkan hal ini? Bagaimanakah kesombongan mempengaruhi keluarga kita?
- Amsal 22:6 mengatakan untuk “mendidik orang muda menurut jalan yang patut baginya.” Apakah yang seharusnya dilakukan para ibu bapa untuk mengikuti nasihat ini?

(Lihat A&P 68:25–28.) Bagaimanakah para ibu bapa dapat lebih mengajarkan anak-anak mereka asas-asas Injil dengan lebih efektif?

- Mengapakah penting untuk mengembangkan suatu sikap yang ceria

dan sifat kelakar yang baik? (Lihat Amsal 15:13; 17:22.) Apakah yang dapat kita lakukan untuk mendorong sifat kelakar yang membina di dalam keluarga kita?

“Aku Tahu Sang Penebusku Hidup”

Ayub 1–2; 13; 19; 27; 42

32

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- Ayub 1–2. Ayub mengalami dugaan-dugaan yang besar. Dia tetap beriman kepada Tuhan meskipun kehilangan banyak harta benda, anak-anak, serta kesihatannya.
- Ayub 13:13–16; 19:23–27. Ayub menemui kekuatan dalam kepercayaan kepada Tuhan dan dalam kesaksiannya terhadap Juruselamat.
- Ayub 27:2–6. Ayub menemui kekuatan di dalam kebenaran dan integriti peribadinya.
- Ayub 42:10–17. Setelah Ayub dengan tetap beriman bertahan di dalam dugaan-dugaannya, Tuhan memberkati dia.
 - Orang seperti apakah Ayub itu? Dugaan-dugaan apakah yang telah dialami Ayub?
 - Bagaimanakah kesaksian Ayub terhadap Juruselamat menolongnya bertahan dalam dugaan-dugaannya?

(Lihat Ayub 19:25–27.) Bagaimanakah sebuah kesaksian terhadap Juruselamat dapat memberikan kita kekuatan semasa kesusahan?

- Integriti Ayub merupakan sumber kekuatan rohaninya yang lain semasa kesengsaraannya (Ayub 27:2–6). Apakah itu integriti? Bagaimanakah integriti peribadi menguatkan Ayub semasa dugaan-dugaannya? Bagaimanakah integriti peribadi dapat menolong kita semasa kesusahan?
- Setelah Ayub tetap beriman untuk bertahan dalam dugaan-dugaannya, bagaimanakah Tuhan memberkati dia? (Lihat Ayub 42:10–15; Yakobus 5:11.) Bagaimanakah Tuhan memberkati kita apabila kita tetap beriman untuk bertahan dalam dugaan-dugaan kita? (Lihat Ayub 23:10; 3 Nefi 15:9.)

Bacaan tambahan: Pasal-pasal lainnya dalam Ayub; Ajaran dan Perjanjian 121:1–10.

Berkongsikan Injil Kepada Dunia

Yunus 1–4; Mikha 2; 4–7

33

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- Yunus 1–2. Tuhan memanggil Yunus untuk mengkhotbahkan pertaubatan kepada orang-orang Niniwe. Yunus

berusaha melarikan diri daripada Tuhan dalam sebuah kapal, ditelan oleh ikan besar, berdoa, dan dibebaskan dari perut ikan.

b. Yunus 3–4. Yunus meramalkan kehancuran Niniwe dan marah sehingga orang-orang Niniwe bertaubat dan Tuhan memelihara kota tersebut (TJS [Terjemahan Joseph Smith] Yunus 3:9–10 menjelaskan bahawa orang-orang Niniwe, bukan Tuhan, bertobat). Tuhan mengajar Yunus untuk mengasihi semua orang.

c. Mikha 2:12–13; 4:1–7, 11–13; 5:2–4, 7–8; 6:6–8; 7:18–20. Mikha bernubuat tentang misi Israel pada zaman akhir.

• Mengapa Tuhan menginginkan Yunus untuk pergi ke Niniwe? (Lihat Yunus 1:2.) Mengapa Yunus pergi ke Tarsis

pula? (Lihat Yunus 1:3.) Apakah alasan-alasan kita apabila kita memilih untuk tidak berkongsi injil?

Apakah yang dapat kita pelajari dari kisah Yunus ini yang dapat menolong kita untuk menjadi lebih berani dalam mematuhi Tuhan dan berkongsi injil?

• Apakah yang dinubuatkan Mikha mengenai bait suci pada zaman akhir? (Lihat Mikha 4:1–2.)

• Bagaimanakah Mikha 6:6–8 dapat menolong kita apabila kita berasa ditenggelami dengan hal-hal yang diharapkan daripada kita?

“Aku Akan Menjadikan Engkau Tunangan-Ku dalam Kebenaran”

Hosea 1–3; 11; 13–14

34

Pelajarilah tulisan suci berikut:

a. Hosea 1–3. Dengan menggunakan perumpamaan seorang suami yang setia dan isteri yang berzina, nabi Hosea menjelaskan hubungan antara Tuhan dan Israel. Di dalam bab-bab ini Hosea mewakilkan Tuhan sebagai suami, dan Gomer mewakili Israel sebagai isteri.

b. Hosea 11; 13–14. Oleh kerana kasihnya kepada umat-Nya, Tuhan terus mengundang Israel untuk bertaubat dan berpaling kepada-Nya.

• Apakah perbandingan yang diajarkan dalam Hosea 1–3 kepada kita mengenai tahap komitmen dan pengabdian yang Tuhan harapkan daripada kita?

• Siapakah atau apakah “kekasih” Israel—hal-hal yang menyebabkan orang-orang berpaling daripada Tuhan? Apakah hal-hal yang dapat menjauhkan kita daripada ketekadan kita untuk mengikuti Juruselamat?

• Apakah yang dijanjikan oleh suami kepada isterinya jika dia ingin kembali kepadanya? (Lihat Hosea 2:19.) Apakah yang Tuhan janjikan kepada umat-Nya jika mereka ingin bertaubat dan kembali kepada-Nya? (Lihat Hosea 2:20, 23.)

Bacaan tambahan: Bahagian akhir Hosea.

Tuhan Mengungkapkan Rahsia-rahsia-Nya Kepada Para Nabi

35

Amos 3; 7-9; Yoel 2-3

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Amos 3:6-7. Amos mengajarkan bahawa Tuhan mewahyukan rahsia-rahsia-Nya kepada para nabi.
- b. Amos 7:10-17; 8:11-13; 9:8-15. Amos dipanggil oleh Tuhan untuk menjadi seorang nabi (7:10-15). Dia meramalkan tentang penewanan dan pence-rai-beraian Israel (7:16-17; 9:8-10). Dia meramalkan bahawa akan ada masa kebuluran dalam mendengar-kan firman Tuhan (8:11-13). Dia me-ramalkan bahawa pada zaman akhir Israel akan menjadi bangsa yang bes-ar dan makmur (9:11-15).
- c. Yoel 2; 3:16-17. Yoel meramalkan tentang peperangan dan bencana pada zaman akhir (2:1-11). Dia menyerukan pertaubatan kepada ma-nusia (2:12-14; catatan bahwa TJS [Terjemahan Joseph Smith] untuk ayat 13 dan 14 menjelaskan bahawa manusia, bukan Tuhan, yang bertau-bat). Yoel meramalkan bahawa Tuhan akan memberkati para umat-Nya pada zaman akhir dan mencu-rahkan Roh-Nya ke atas mereka (2:15-32; 3:16-17).

Amos melayani orang-orang dari kera-jaan Israel dari 800 hingga 750 SM. Kebanyakan daripada orang-orang ini telah jatuh dari kebenaran. Sewaktu Amos menyaksikan orang-orang ini dengan dosa-dosa mereka, dia mewah-yukan hukuman yang mengerikan. Bagaimanapun, dia menekankan bahawa Tuhan ingin membersihkan

semua orang yang ingin bertaubat. Amos juga bernubuat tentang zaman akhir.

Yoel melayani orang-orang kerajaan Yehuda. Banyak di antara nubuat-nubuat Yoel adalah mengenai zaman akhir.

- Apakah yang diajarkan nabi Amos mengenai kepentingan para nabi? (Lihat Amos 3:7.) Apakah yang dia-jarkan Ajaran dan Perjanjian 1:37-38 mengenai rasa hormat yang harus kita miliki terhadap pesanan-pesanan para nabi?
- Apakah yang diramalkan oleh Amos tentang akibat jika Israel menolak atau mengabaikan pesanan-pesanan para nabi? (Lihat 8:11-13.) Bagaima-nakah ketiadaan firman Tuhan dapat disamakan dengan sebuah kebu-luran? Bagaimanakah berkat-berkat injil yang dipulihkan dapat disama-kan dengan sebuah jamuan?
- Kaji semula Yoel 2:12-32 dan 3:16-17 dan carilah jawapan atas soalan-soalan berikut: Apakah unda-ngan yang telah diberikan Tuhan kepada mereka yang hidup pada zaman akhir? Apakah berkat-berkat yang Tuhan telah janjikan kepada mereka yang mengikuti Dia pada zaman akhir?

Bacaan tambahan: Joseph Smith—Sejarah 1:41; Ajaran dan Perjanjian 1:14-28, 37-38.

Kemuliaan Sion Akan Menjadi Sebuah Pertahanan

36

Yesaya 1–6

Pelajarilah Yesaya 1–6.

Yesaya bernubuat banyak hal mengenai misi Juruselamat di dunia, mengenai kehancuran yang akan menuruti kejahatan Israel, dan mengenai misi dan takdir Israel pada zaman akhir.

- Banyak di antara peringatan dan nubuat Yesaya dapat diaplikasikan dalam zamannya, yang merupakan zaman kejahatan besar, dan dalam zaman kita. Bagaimanakah keadaan-keadaan yang dijelaskan dalam Yesaya 1–5

terbukti berlaku di dalam dunia pada hari ini?

- Apakah tiga tempat kudus yang disebutkan di dalam Yesaya 4:5–6 yang menawarkan perlindungan daripada kejahatan? Ungkapan-ungkapan apakah yang digunakan dalam ayat-ayat ini untuk menghuraikan bagaimana tempat-tempat kudus tersebut akan melindungi kita?

Bacaan tambahan: 2 Nefi 11.

“Engkau Telah Melakukan Hal-hal yang Menakjubkan”

Yesaya 22; 24–26; 28–30

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Yesaya 22:22. Juruselamat membuka pintu-pintu menuju ke hadirat Bapa Syurgawi.
- b. Yesaya 24:21–22. Juruselamat menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang berada di dalam penjara roh.
- c. Yesaya 25:1–4; 32:1–2. Juruselamat ialah kekuatan dan tempat perlindungan.
- d. Yesaya 25:6–9. Juruselamat akan mempersiapkan sebuah jamuan dan menghancurkan “selubung”.
- e. Yesaya 25:8. Juruselamat menghapuskan air mata kita.
- f. Yesaya 26:19. Juruselamat akan mendatangkan Kebangkitan.
- g. Yesaya 28:16. Juruselamat ialah landasan kita yang pasti.

h. Yesaya 29:4, 9–14, 18, 24. Juruselamat akan memulihkan injil di atas bumi.

i. Yesaya 30:19–21. Juruselamat mengetahui dugaan-dugaan kita dan membimbing jalan kita.

- Bagaimanakah Juruselamat “menghapus air mata [kita]”? (Yesaya 25:8).
- Yesaya bernubuat bahawa ketika Mesias datang, dia akan mati dan dibangkitkan (Yesaya 25:8). Siapa lagi yang akan dibangkitkan? (Lihat Yesaya 26:19; 1 Korintus 15:20–22; Alma 11:43–44.) Apakah yang disarankan oleh Yesaya 26:19 tentang bagaimana perasaan kita apabila kita dibangkitkan? (Lihat juga A&P 138:12–16, 50.)

Bandingkan ayat-ayat berikut dalam Yesaya 29 dengan bab-bab yang berkaitan untuk mengetahui bagaimana beberapa nubuat Yesaya telah digenapi:

37

Yesaya 29:4	Moroni 10:27
Yesaya 29:9–10, 13	Joseph Smith— Sejarah 1:18–19
Yesaya 29:11–12	Joseph Smith— Sejarah 1:63–65
Yesaya 29:14	Ajaran dan Perjanjian 4:1, 6:19

- Yesaya mengatakan tentang orang-orang yang mendekatkan diri kepada Tuhan dengan mulut mereka sementara hati mereka jauh daripada Dia (Yesaya 29:13). Bagaimanakah kita dapat memastikan bahawa kita berada dekat dengan Tuhan dalam fikiran dan tindakan dan juga dalam perkataan kita?

“Selain Aku Tidak Ada Juruselamat yang Lain”

Yesaya 40–49

38

Pelajarilah Yesaya 40–49.

- Kaji semula Yesaya 40:28–31; 42:16; 43:1–4; 44:21–23; dan 49:14–16. Semasa anda membaca setiap ayat, carilah jawapan bagi soalan-soalan berikut: Sifat-sifat Juruselamat manakah yang disebutkan dalam bab ini? Bagaimanakah dengan mengetahui sifat ini dapat membantu meningkatkan iman kita kepada Juruselamat?
- Babel sering kali digunakan dalam tulisan suci sebagai lambang kejahatan dunia. Apakah akibat-akibat

yang datang kerana mencari cara-cara duniawi? (Lihat Yesaya 47:1, 5, 7–11.) Apakah yang telah dijanjikan Tuhan kepada mereka yang mencari Dia daripada mencari dunia? (Lihat Yesaya 48:17–18.)

- Banyak ramalan dalam Yesaya 49 berkaitan tentang pekerjaan Juruselamat dan juga pekerjaan para hamba-Nya. Apakah yang diajarkan oleh Yesaya 49:1–6 tentang tanggungjawab-tanggungjawab kita pada zaman akhir?

“Betapa Indahnnya Gunung-gunung”

Yesaya 50–53

39

Pelajarilah Yesaya 50–53.

- Apakah yang dikatakan oleh Yesaya 53:2–5 kepada kita mengenai kehidupan Juruselamat? Mengapakah Dia dapat memahami kesengsaraan dan kesedihan kita? (Lihat Alma 7:11–13; Ibrani 2:16–18; 4:15.) Bagaimanakah anda dapat merasakan bahawa Dia memahami kesengsaraan dan kesedihan anda? Mengapakah Juruselamat rela untuk menderita kesakitan kerana dilukai, dipukul, dan diseksa? (Lihat 1 Nefi 19:9.)
- Yesaya bernubuat tentang beberapa peristiwa yang berkaitan dengan

Korban Tebusan Juruselamat. Apakah yang diajarkan dalam ayat-ayat berikut mengenai kasih Juruselamat dan Korban Tebusan-Nya?

Yesaya 50:5–7 (lihat juga Matius 26:39; Filipi 2:8)

Yesaya 51:6 (lihat juga Mosia 16:9; Alma 34:10)

Yesaya 53:2–4 (lihat juga Alma 7:11–13; Ibrani 2:16–19)

Yesaya 53:8–11 (lihat juga Mosia 15:10–13)

Bacaan tambahan: Mosia 14–15.

“Lapangkanlah Tempat Khemahmu”

40

Yesaya 54–56; 63–65

Pelajarilah Yesaya 54–56; 63–65.

- Yesaya membandingkan Gereja dengan sebuah khemah dan wilayah-wilayah Gereja dengan pancang-pancang khemah (Yesaya 54:2). Nasihat apakah yang dia berikan mengenai Gereja dan wilayah-wilayah? (Lihat Yesaya 54:2–3). Apakah yang dapat kita lakukan untuk menguatkan wilayah di mana kita tinggal?
- Yesaya telah menuliskan bahawa firman Tuhan dapat memelihara jiwa-jiwa kita sama seperti hujan dan salji yang memelihara benih-benih tumbuhan (Yesaya 55:10–13). Bagaimanakah firman Tuhan memelihara jiwa kita? (Lihat Alma 32:28.)
- Seperti yang telah dicatatkan di dalam Yesaya 65:17–25, apakah keadaan-keadaan yang akan berlaku semasa Kerajaan Seribu Tahun?

“Pada Hari Ini Aku Membuat Engkau ... Menjadi Tiang Besi”

41

Yeremia 1–2; 15; 20; 26; 36–38

Pelajarilah Yeremia 1–2; 15; 20; 36–38.

Yeremia melayani dari 626 hingga 586 SM, semasa pemerintahan lima orang raja (dari Yosia sampai Zedekia). Bersama Yosia, dia berusaha mengalihkan orang-orang daripada penyembahan berhala dan keruntuhan moral. Kehidupan Yeremia penuh dengan kesengsaraan, tetapi cara dia mengatasi dugaan-dugaannya dapat memberi inspirasi kepada kita. Dia diseksa dan dipenjarakan kerana mewahyukan tentang kerajaan Yehuda. Kehidupannya sentiasa terancam. Walau bagaimanapun, melalui semua kesusahan dan penentangan, dia menjadi seperti sebatang “tiang besi: (Yeremia 1:18). Kitab Yeremia menyediakan catatan peribadi yang mengenai reaksi nabi ini terhadap kehidupannya yang penuh kesengsaraan dan kesedihan yang menguatkan iman.

- Apakah yang diajarkan kepada kita oleh panggilan Yeremia mengenai doktrin ditahbiskan sebelumnya? (Lihat Yeremia 1:5.)
- Apakah penentangan yang dihadapi oleh Yeremia sewaktu dia menjalankan misi yang diberikan kepadanya oleh Tuhan? (Lihat Yeremia 20:1–6; 26:7–15; 36:1–6, 20–24, 27–32; 37:12–16; 38:4–13.)
- Apakah yang dapat kita pelajari daripada Yeremia untuk menolong kita ketika mengalami kesusahan?
- Dalam Yeremia 20:9, bagaimanakah Yeremia menghuraikan firman Tuhan di dalam dirinya? Menurut anda apakah artinya memiliki firman Tuhan seperti api yang menyala-nyala di dalam tulang anda?

“Aku Akan Menuliskannya di Dalam Hati Mereka” 42

Yeremia 16; 23; 29; 31

Pelajarilah Yeremia 16; 23; 29; 31.

- Seperti yang tercatat dalam Yeremia 31:31–34, apakah yang dijanjikan Tuhan akan lakukan pada zaman akhir? (Lihat juga Yehezkiel 11:17–20; 36:24–28; 2 Korintus 3:2–3). Apakah artinya memiliki hukum Tuhan yang tertulis di dalam hati kita? Apakah yang harus kita lakukan untuk memi-

liki hukum Tuhan tertulis di dalam hati kita? Bagaimanakah sikap kita dipengaruhi apabila kita menuliskan hukum Tuhan di dalam hati kita?

- Menurut Yeremia 29:12–14, apakah yang dapat kita lakukan untuk lebih mendekati Tuhan?

Bacaan tambahan: Yeremia 3–9; 13; 30; 32:37–42; 33; 35.

Gembala Israel

Yehezkiel 18; 34; 37

43

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- Yehezkiel 34. Tuhan murka terhadap gembala-gembala yang tidak memberi makan kepada domba-dombanya. Dia akan mencari semua domba yang hilang dan menjadi gembala mereka.
- Yehezkiel 18:21–32. Yehezkiel mengajarkan bahwa orang-orang jahat yang bertaubat akan diselamatkan dan orang-orang benar yang berpaling kepada kejahatan akan diusir.
- Yehezkiel 37:1–14. Yehezkiel melihat sebuah penglihatan di mana banyak tulang-tulang yang kering diberikan kehidupan.
- Yehezkiel 37:15–28. Yehezkiel bernubuat bahwa papan Yehuda dan papan Yusuf akan menjadi satu di dalam tangan Tuhan.

Pada 597 SM, Raja Nebukadnezar dari Babilon telah membawa banyak orang tawanan dari kerajaan Yehuda. Di kalangan orang-orang tawanan ini adalah Yehezkiel, yang dipanggil oleh Tuhan sebagai nabi lima tahun kemudian. Yehezkiel melayani bangsa-bangsanya yang terbuang sehingga 570 SM.

Tulisan Yehezkiel mengandung teguran dan janji-janji yang berguna bukan saja bagi kerajaan Yehuda zaman dahulu tetapi juga bagi seluruh Israel, termasuk para anggota Gereja pada hari ini. Meskipun Yerusalem telah dihancurkan, Yehezkiel telah melihat suatu hari di mana Israel akan dikumpulkan dan dipulihkan.

- Siapakah “gembala Israel” yang dibicarakan dalam Yehezkiel 34? Bagaimanakah kita masing-masing boleh dianggap sebagai gembala Israel?
- Bagaimanakah Juruselamat ialah seperti seorang gembala bagi kita? (Lihat Yehezkiel 34:11–16; Mazmur 23.)
- Apakah artinya “memperbaharui ... hatimu dan rohmu”? (Yehezkiel 18:31). Bagaimanakah kita dapat mengalami perubahan hati ini? (Lihat Alma 5:7–14.)
- Dalam nubuat yang dicatat di dalam Yehezkiel 37:15–18, salah satu perkara yang dilambangkan oleh papan Yehuda adalah Alkitab. Salah satu hal yang dilambangkan oleh papan

Yusuf adalah Kitab Mormon. Apakah berkat-berkat yang datang kerana memiliki Kitab Mormon sebagai tambahan selain Alkitab?

Bacaan tambahan: Yehezkiel 2.

“Kemana Saja Sungai Itu Mengalir, Semuanya di Sana Hidup”

44

Yehezkiel 43–44; 47

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Yehezkiel 43:1–12; 44:6–9, 23.
Yehezkiel diperlihatkan sebuah penglihatan tentang bait suci di Yerusalem.
 - b. Yehezkiel 47:1, 6–12. Yehezkiel melihat sebuah sungai mengalir dari bait suci yang memberi kehidupan pada padang pasir dan menyembuhkan Laut Asin [Laut Mati].
 - c. Yehezkiel 47:2–5. Yehezkiel mengukur kedalaman sungai itu dan mendapati bahawa air semakin bertambah dalam setiap kali dia mengharungi ke dalamnya.
- Apakah yang anda pelajari mengenai bait suci dari Yehezkiel 43:1–12 dan 44:6–9, 23?

- Menurut penglihatan Yehezkiel, apakah perubahan-perubahan yang akan terjadi di dalam padang belantara Yehuda dan Laut Asin, yang berada di wilayah timur Yerusalem, kerana sungai mengalir dari bait suci? (Lihat Yehezkiel 47:6–12.) Bagaimanakah air kehidupan yang terdapat di dalam bait suci menyembuhkan dan memberi kehidupan kepada pernikahan? keluarga? nenek moyang kita? Gereja?

Semasa anda mempelajari laporan di dalam Yehezkiel 47:1, 6–12, anda juga boleh mempelajari Wahyu 22:1–3 dan 1 Nefi 8:10–11; 11:25. Perhatikan simbol-simbol yang serupa di dalam bab-bab tersebut.

“Kalau Terpaksa Aku Mati, Biarlah Aku Mati”

45

Daniel 1; 3; 6; Ester 3–5; 7–8

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Daniel 1. Daniel serta teman-temannya menolak untuk memakan makanan Raja Nebukadnezar (1:1–16). Tuhan memberkati Daniel dan teman-temannya dengan kesihatan dan kebijaksanaan yang baik (1:17–21).
- b. Daniel 3. Sadrakh, Mesakh, dan Abednego menolak untuk menyembah patung berhala Raja Nebukadnezar (3:1–12). Raja

Nebukadnezar mencampakkan mereka ke dalam api yang menyala-nyala, dan Tuhan menyelamatkan mereka dari kematian (3:13–30).

- c. Daniel 6. Orang-orang Raja Darius memujuk raja untuk menandatangani surat perintah bahawa selama 30 hari semua permohonan harus disampaikan kepadanya bukan kepada orang lain ataupun kepada Tuhan (6:1–9). Meskipun ada surat perintah raja, Daniel tetap berdoa kepada

Tuhan (6:10–13). Sebagai hukuman kerana tidak mematuhi surat perintah itu, Daniel dilemparkan ke dalam gua singa (6:14–17). Tuhan mengutuskan seorang malaikat untuk melindungi Daniel (6:18–23).

- d. Ester 3–5; 7–8. Mordekhai, sepupu Ester, menolak untuk sujud menyembah Haman (3:1–4). Haman memujuk Raja Ahasyweros untuk mempersiapkan sebuah surat perintah yang menyerukan pembunuhan terhadap semua orang Yahudi dalam kerajaan itu (3:5–14). Ester mengetahui rencana Haman untuk membunuh bangsanya dan mempertaruhkan nyawanya dengan pergi menghadap Raja Ahasyweros untuk memohon bantuan (4:1–17). Raja mengabulkan permintaan Ester untuk datang bersama Haman ke sebuah jamuan (5:1–8). Dalam jamuan itu Ester mendedahkan rancangan Haman untuk membunuh orang-orang Yahudi (7:1–6). Raja menggantung Haman (7:7–10). Raja menghormati Mordekhai dan mengabulkan permintaan Ester untuk menarik kembali surat perintah Haman (8:1–17).

Sebagai seorang budak lelaki, Daniel dibawa menjadi tawanan dari Yerusalem ke Babilon. Dia dan para pemuda Ibrani yang lain—termasuk teman-temannya Sadrah, Mesakh, dan Abednego—telah dilatih di dalam istana Raja Nebukadnezar.

Ester ialah seorang perempuan Yahudi yang hidup tidak lama selepas Daniel.

Setelah orang tuanya meninggal, dia dibesarkan oleh sepupunya Mordekhai. Ester sangat cantik dan Ahasyweros, Raja Persia dan Media, sangat terpesona dengan kecantikannya yang membuatnya ingin menjadikan dia sebagai permaisurinya.

- Apakah yang dicadangkan oleh Daniel dan teman-temannya ketika mereka diberi makanan dan arak raja? (Lihat Daniel 1:8–14). Bagaimanakah berkat-berkat yang telah mereka terima serupa dengan janji-janji Tuhan kepada kita jika kita mematuhi Kata-kata Bijaksana? (Lihat Daniel 1:15, 17, 20; A&P 89:18–20.)
- Apakah yang terjadi ketika Sadrah, Mesakh, dan Abednego dilemparkan ke dalam api yang menyala-nyala? (Lihat Daniel 3:21–27). Siapakah yang berada di dalam api tersebut bersama-sama dengan mereka? (Lihat Daniel 3:25.) Bagaimanakah Juruselamat menolong kita ketika kita berpaling kepada-Nya semasa dugaan-dugaan kita?
- Apakah cabaran-cabaran yang kita hadapi hari ini yang memerlukan keberanian seperti Ester? Apakah berkat-berkat yang akan kita terima apabila kita berusaha melakukan yang benar walaupun ketika kita berhadapan dengan akibat-akibat yang sukar?

Bacaan tambahan: Ester 1–2; 6; 9–10.

“Suatu Kerajaan, yang Tidak Akan Binasakan”

Daniel 2

Pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Daniel 2:1–23. Raja Nebukadnezar mempunyai sebuah mimpi dan

memerintahkannya para penasihatnya untuk menjelaskan dan menafsirkannya (2:1–13). Daniel berdoa

bersama teman-temannya, dan Tuhan menjelaskan kepadanya tentang mimpi tersebut dan penafsirannya (2:14–23).

- b. Daniel 2:24–49. Daniel mengatakan bahwa mimpi Raja Nebukadnezar menceritakan kebangkitan dan kejatuhan kerajaan-kerajaan besar di bumi dan kemenangan kerajaan Tuhan pada zaman akhir mengatasi semua kerajaan yang lain.
- Bagaimanakah Daniel menguraikan tentang patung besar yang telah dilihat raja dalam mimpinya? (Lihat Daniel 2:31–33). Apakah yang

dilambangkan pada bahagian-bahagian patung tersebut? (Lihat Daniel 2:36–43.)

- Apakah yang dilambangkan oleh “batu ... terungkit tanpa perbuatan tangan” itu? (Lihat Daniel 2:44–45; A&P 65:2.) Apakah yang dinubuatkan oleh Daniel mengenai Gereja pada zaman akhir? (Lihat Daniel 2:34–35, 44.) Bagaimanakah nubuat Daniel bahwa Gereja akan “memenuhi seluruh bumi” dan “tidak akan binasa” sedang digenapi pada hari ini?

Bacaan tambahan: Ajaran dan Perjanjian 65.

“Marilah Kita Turut Bangkit dan Membangun”

47

Ezra 1–8; Nehemia 1–2; 4; 6; 8

Dengan penuh doa pelajarilah tulisan suci berikut:

- a. Ezra 1–6. Raja Koresy membebaskan orang-orang Yahudi yang telah ditawan di Babilon dan mengundang mereka untuk kembali ke Yerusalem dan membangunkan kembali bait suci (Ezra 1). Zerubabel dan Yesua memimpin kira-kira 50,000 orang kembali ke Yerusalem, dan mereka mulai membangunkan kembali bait suci (Ezra 2–3). Orang-orang Samaria yang menawarkan bantuan untuk mengerjakan bait suci, ditolak, dan berusaha menghentikan kerja-kerja pembangunan; kerja pembangunan terkandas (Ezra 4). Beberapa tahun kemudian, nabi Hagai dan Zakharia menasihati orang-orang Yahudi untuk menyiapkan bait suci; orang-orang Samaria terus menentang (Ezra 5; lihat juga Hagai 1). Raja Darius memperbaharui surat perintah Koresy untuk membangunkan kembali bait suci, dan bait suci itu disiapkan dan dikuduskan kira-kira pada 515 SM. (Ezra 6).

- b. Ezra 7–8. Ezra menerima izin dari Raja Artahsasta dari Persia untuk memimpin kumpulan orang-orang Yahudi yang lain kembali ke Yerusalem. Ezra dan para pengikutnya berpuasa dan berdoa, dan Tuhan melindungi mereka.
- c. Nehemia 1–2; 4; 6. Mengetahui bahwa orang-orang Yahudi yang telah kembali ke Yerusalem “mengalami penderitaan besar dan celaan,” Nehemia menerima izin dari Raja Artahsasta untuk pergi ke Yerusalem dan membangunkan kembali tembok-tembok kota (Nehemia 1–2). Para musuh orang-orang Yahudi berusaha menghalang mereka daripada membangunkan kembali tembok-tembok tersebut. Nehemia tetap meneruskan pekerjaan itu sehingga tembok-tembok tersebut siap dibina (Nehemia 4; 6).
- d. Nehemia 8. Setelah tembok-tembok itu dibangun kembali mengelilingi Yerusalem, Ezra membacakan tulisan-tulisan suci kepada mereka.

Mereka menangis dan berkeinginan untuk mematuhi kata-kata hukum itu.

Setelah Nebukadnezar mangkat pada 562 SM., Babilon jatuh mendadak daripada kekuasaannya. Pada 539 SM. Babilon jatuh ke tangan orang-orang Media dan Persia, yang bersatu di bawah pimpinan Koresy (lihat Daniel 5). Tidak seperti Nebukadnezar, Koresy adalah seorang penguasa yang baik yang melayan orang-orang yang ditakluki dengan baik dan menghormati agama mereka.

Tidak lama setelah mengambil alih Babilon, Koresy mengundang orang-orang Yahudi (bangsa Israel) ke kerajaannya untuk kembali ke Yerusalem dan membangunkan kembali bait suci.

Pada 458 SM. Ezra, seorang imam Yahudi dan ahli taurat, membawa sekumpulan orang Yahudi lain kembali ke Yerusalem dari Babilon. Nehemia, orang Yahudi yang memegang jabatan penting sebagai juru minuman (pembantu peribadi) di dalam istana raja Babilon, mendapat kebenaran diraja yang memberikan dia kuasa untuk membangunkan kembali tembok-tembok Yerusalem.

Nehemia dan Ezra bekerjasama untuk membantu orang-orang Yahudi menyempurnakan tugas ini.

- Apakah yang dilakukan oleh Nehemia ketika Sanbalat memintanya untuk berhenti bekerja dan menemui dia? (Lihat Nehemia 6:1–4.) Bagaimanakah sesetengah orang berusaha untuk mengganggu para anggota Gereja daripada melakukan pekerjaan Tuhan pada hari ini? Bagaimanakah kita seharusnya menghadapi gangguan seperti itu?
- Berapa lamakah Ezra membacakan tulisan-tulisan suci kepada orang-orang tersebut? (Lihat Nehemia 8:3, 17–18.) Bagaimanakah reaksi mereka? (Lihat Nehemia 8:3, 6, 9, 12.) Bagaimanakah kita dapat menjadi lebih menumpukan perhatian sewaktu kita membaca tulisan suci? Bagaimanakah kita dapat membangunkan minat terhadap tulisan suci seperti yang dimiliki orang-orang tersebut?

Bacaan tambahan: Hagai 1; “Ezra,” Kamus Alkitab, muka surat 669; “Nehemia,” Kamus Alkitab, muka surat 738.

“Hari Tuhan yang Besar dan Mengerikan”

Zakharia 10–14; Maleakhi

48

Pelajarilah Zakharia 10–14 dan Maleakhi.

- Zakharia dan Maleakhi bernubuat banyak peristiwa tentang zaman akhir. Peristiwa-peristiwa apakah yang dihuraiakan di dalam pasal-pasal berikut ini?

Zakharia 12:2–3, 8–9

Zakharia 14:3–4 (lihat juga A&P 45:48)

Zakharia 12:10; 13:6 (lihat juga A&P 45:51–53)

Zakharia 14:5 (lihat juga A&P 88:96–98)

Zakharia 14:9

Zakharia 14:12–13; Maleakhi 4:1–3 (lihat juga 1 Nefi 22:15–17, 19)

Malachi 3:1

Maleakhi 4:5–6 (lihat juga A&P 2; 110:13–16)

- Maleakhi berkata bahawa orang-orang “merompak Tuhan” apabila mereka tidak membayar persepuluhan dan persembahan (Maleakhi 3:8–9). Bagaimanakah ini benar?
- Apakah erti “membuat hati bapa-bapa berbalik kepada anak-anak, dan hati anak-anak kepada bapa-bapanya”? (Ertinya dimeteraikan untuk kekekalan dengan seluruh nenek moyang kita—“bapa-bapa” kita—dan kepada seluruh keturunan kita—“anak-anak” kita—melalui kuasa pemeteraian keimamatan dan

tatacara-tatacara bait suci bagi orang-orang yang masih hidup dan yang telah meninggal.)

- Bagaimanakah anda telah merasakan bahawa hati anda berbalik kepada nenek moyang anda sewaktu anda melakukan sejarah keluarga dan pekerjaan bait suci bagi mereka? Bagaimanakah janji-janji dari perjanjian bait suci membalikkan hati anda kepada ibu bapa, pasangan, dan anak-anak anda?

Bacaan tambahan: Ajaran dan Perjanjian 45.

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

Muka depan: *Hanna Memberikan Putranya, Samuel, kepada Eli* oleh Robert T. Barrett

Diterbitkan oleh Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir
Salt Lake City, Utah.

© 2010 oleh Intellectual Reserve, Inc.

All rights reserved. Printed in the United States of America

Persetujuan bahasa Inggeris: 1/01, Persetujuan terjemahan: 1/01, Terjemahan dari
Old Testament: Class Member Study Guide, Malay 34592 348

MALAY

